A

LAI KHAN NEI & SATU LAGI

lwn.

PP

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
MOHD AMIN FIRDAUS ABDULLAH H
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45-37-2011]
16 JANUARI 2013

C ***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Akta Penculikan 1961 - Seksyen 3 - Sama ada keterangan mengaitkan tertuduh dengan kesalahan - Sama ada tertuduh menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pihak pendakwaan*

D ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Alibi - Notis - Sama ada keperluan notis di bawah s. 402A Kanun Tatacara Jenayah dipatuhi - Sama ada kegagalan memberikan notis di bawah s. 402A mewajarkan keterangan tertuduh tidak boleh diterima*

E ***KETERANGAN:*** *Keterangan ikut keadaan - Kebolehpercayaan - Sama ada keterangan ikut keadaan 'convincing' dan 'compelling' - Sama ada keterangan ikut keadaan mengaitkan tertuduh dengan kesalahan*

F G H I Kedua-dua tertuduh dalam kes ini merupakan warganegara China yang dituduh di bawah s. 3 Akta Penculikan 1961 atas kesalahan menculik seorang kanak-kanak untuk mendapatkan wang tebusan sebanyak RM200,000. Kes pihak pendakwaan adalah bahawa mangsa ('SP14') ditangkap oleh seorang lelaki yang dikatakan memakai cermin mata gelap dan bertopeng semasa mangsa sedang bermain badminton di halaman rumahnya. Kejadian ini disaksikan oleh kakak mangsa ('SP15') dan pembantu rumahnya. Kemudian, ibu mangsa ('SP13') menerima SMS dalam bahasa Mandarin menyatakan bahawa anaknya berada "dalam tangannya" dan meminta RM400,000 sebagai tebusan. Perkara ini diadukan kepada pihak polis pada hari yang sama. Jumlah tebusan kemudiannya dikurangkan kepada RM200,000. Sebelum wang tebusan diserahkan kepada penculik, nombor siri bagi setiap wang kertas berjumlah RM200,000 telah dicatat dan wang tersebut dimasukkan ke dalam sebuah beg. SP13 membawa beg berisi wang dan telah diarahkan oleh seorang lelaki Cina yang bercakap dalam Bahasa Mandarin untuk meletakkan wang tersebut di tepi jalan. Kemudian dia diarahkan mengambil anaknya dari tempat permainan Tesco

Supermarket Seberang Perai. Mangsa, SP14 menyatakan bahawa semasa diculik, terdapat seorang lelaki dan seorang wanita Cina yang kemungkinan besar berasal dari negara China kerana loghat Mandarin yang berbeza daripada loghat Mandarin Malaysia. Dia juga boleh mengecam wanita tersebut kerana dia berada di tepi katil SP14 di mana dia dikurung. Kedua-dua tertuduh ditangkap di Genting Highlands. Di akhir kes pendakwaan, selepas membuat "maximum evaluation" ke atas keseluruhan keterangan, didapati bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kes *prima facie* dan tertuduh-tertuduh dipanggil membela diri. Kedua-dua tertuduh menyatakan mereka tidak berada di tempat kejadian pada masa itu dan sebaliknya berada di tempat lain dan juga tidak berada di tempat di mana SP14 dikurung.

Diputuskan (mensabitkan kedua-dua tertuduh dan menjatuhkan hukuman penjara seumur hidup ke atas setiap tertuduh dan tertuduh pertama juga dikenakan rotan sebanyak 15 kali):

(1) Tertuduh pertama dan kedua tidak memberikan notis bertulis di bawah s. 402A Kanun Tatacara Jenayah kepada pihak pendakwaan dengan menyatakan butir tempat di mana mereka berdua mendakwa berada pada masa kesalahan penculikan dilakukan bersama dengan nama dan alamat mana-mana saksi yang mereka berniat memanggil untuk tujuan menunjukkan alibi. Oleh sebab tiada notis bertulis yang diberikan kepada pihak pendakwaan, keterangan tertuduh pertama, tertuduh kedua, SD3 dan SD4 tidak boleh diterima. (perenggan 215 & 218)

(2) Keterangan mengikut keadaan yang begitu kukuh terhadap kedua-dua tertuduh, yang 'convincing' dan 'compelling' bagi mengaitkan mereka dengan kesalahan menculik SP14 adalah selaras dengan prinsip undang-undang mengenai keterangan ikut keadaan. Keterangan tertuduh pertama dan tertuduh kedua dalam pembelaan mereka adalah penafian semata-mata oleh kerana terdapat keterangan 'circumstantial' yang begitu meyakinkan dan mencukupi untuk mengaitkan kedua-dua tertuduh dengan kesalahan penculikan ini. (perenggan 221 & 222)

(3) Antara keterangan mengikut keadaan terhadap tertuduh pertama dan kedua, antara lain, adalah keterangan SP14 dan SP15 menunjukkan hanya seorang lelaki dan seorang

perempuan terlibat dalam penculikan SP14. Selain itu, rumah di Taman Seri Arowana, di mana wang tebusan berjumlah RM10,000 dijumpai oleh SP24, diakui oleh tertuduh pertama disewa daripada pemilik rumah bernama Lim Bee Nah. Malahan, nombor siri wang yang dirampas dari atas siling bilik air rumah tersebut berpadanan dengan nombor siri wang tebusan yang telah dicatatkan sebelum diserahkan kepada penculik iaitu tertuduh pertama. (perenggan 233-236)

(4) Selanjutnya, terdapat keterangan bahawa tertuduh pertama terus menukar dua tayar baru dan membeli dua tiket penerbangan untuk pergi dan balik ke Macau - Pulau Pinang, dan pembayaran bagi kedua-dua transaksi itu dibuat dengan wang tunai. Kedua-dua transaksi ini bukan suatu 'coincidence' tetapi berlaku hanya selepas wang tebusan diperoleh. (perenggan 237 & 238)

(5) Setelah meneliti keterangan pada keseluruhannya yang dikemukakan oleh pendakwaan dan pembelaan kedua-dua tertuduh, mahkamah mendapati bahawa tertuduh pertama dan tertuduh kedua tidak menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pihak pendakwaan, *PP v. Saimin & Ors* (dirujuk); *Mat v. PP* (dirujuk); *Mohamad Radhi bin Yaakob v. PP* (dirujuk). (perenggan 242)

Kes-kes yang dirujuk:

Amathevelli P Ramasamy v. PP [2009] 3 CLJ 109 FC ***(dirujuk)***
Amitsingh v. State of Maharastra & Anor (Crl) 13 of 2007 ***(dirujuk)***
Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(dirujuk)***
Chan Chwen Kong v. PP [1962] 1 LNS 22 CA ***(dirujuk)***
Chandrasekaran & Ors v. PP [1970] 1 LNS 11 HC ***(dirujuk)***
Chang Kim Siong v. PP [1967] 1 LNS 18 FC ***(dirujuk)***
Goi Ching Ang v. PP [1999] 1 CLJ 829 FC ***(dirujuk)***
Idris v. PP [1960] 1 LNS 40 HC ***(dirujuk)***
Karam Singh v. PP [1967] 1 LNS 65 FC ***(dirujuk)***
Kartar Singh and Anor v. Rex [1952] 1 LNS 43 CA ***(dirujuk)***
Kong Hong Lai v. PP [2010] 1 LNS 982 HC ***(dirujuk)***
Ku Lip See v. PP [1981] 1 LNS 209 FC ***(dirujuk)***
Lee Kwan Woh v. PP [2009] 5 CLJ 631 FC ***(dirujuk)***
Looi Kow Chai & Anor v. PP [2003] 1 CLJ 734 CA ***(dirujuk)***
Mahbub Shah v. Emperor [1945] AIR PC 118 ***(dirujuk)***
Mat v. PP [1963] 1 LNS 82 HC ***(dirujuk)***
Megat Halim Megat Omar v. PP [2009] 1 CLJ 154 CA ***(dirujuk)***
Mohamad Radhi Yaakob v. PP [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311 SC ***(dirujuk)***

Mohd Ya'cob Demyati v. PP [2011] 4 CLJ 758 CA ***(dirujuk)***
PP v. Chong Soon Wah [2008] 9 CLJ 153 HC ***(dirujuk)***
PP v. Foong Chee Cheong [1969] 1 LNS 128 HC ***(dirujuk)***
PP v. Lim Chen Len [1981] 1 LNS 11 FC ***(diikuti)***
PP v. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457 FC ***(dirujuk)***
PP v. Saimin & Ors [1971] 1 LNS 115 HC ***(dirujuk)***
Sunny Ang v. PP [1965] 1 LNS 171 FC ***(dirujuk)***
Vasan Singh v. PP [1989] 2 CLJ 402; [1989] 1 CLJ (Rep) 166 SC ***(diikuti)***
Wai Chan Leong v. PP [1989] 2 CLJ 1168; [1989] 1 CLJ (Rep) 171 SC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 180(1), (2), (3), (4), 182A(1), (2), (3), 402A, 422
Evidence Act 1950, ss. 6, 27, 114(g)
Kidnapping Act 1961, s. 3(1)
Penal Code, s. 34

Bagi pihak pendakwaan - Shakila Banu I Sheik Allaudeen (Selvaranjini Selvaraja & Suhaimi Ibrahim bersamanya); T/n Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Pulau Pinang
Bagi pihak pembelaan - Ku Abdul Rahman Ku Ismail; T/n Ku Abdul Rahman & Assocs

Dilaporkan oleh Emm Zehra

PENGHAKIMAN

Mohd Amin Firdaus Abdullah H:

[1] Tertuduh Lai Khan Nei dan Gao Bingju seorang perempuan warganegara China dituduh:

> Bahawa kamu bersama-sama pada 19/12/2009 jam lebih kurang 5.30 petang, di hadapan rumah No. 9, Lorong Gemilang Ria 3, Taman Gemilang Ria, Bukit Tengah, Bukit Mertajam di dalam Daerah Seberang Perai Tengah, dalam Negeri Pulau Pinang, di dalam mencapai niat bersama kamu, bagi maksud mendapatkan wang tebusan sebanyak RM200,000.00 telah menahan satu kanak-kanak lelaki bernama Lim Yee Khang (No. K/P: 000528-07-0657), dan dengan cara melarikan dan menghalang secara salah Lim Yee Khang (No. K/P: 000528-07-0657), dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 3 Akta Penculikan 1961 (semakan 1989) dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama dan dibaca bersama dengan seksyen 34 Kanun Keseksaan.

A **Kes Pihak Pendakwaan**

[2] Saksi pihak pendakwaan Lim Hui Xing (SP15) seorang pelajar sekolah kini berumur 15 tahun dan kakak kepada mangsa culik dalam kes ini memberi keterangan bahawa pada 19 Disember
B 2009 jam lebih kurang 5.30 petang, dia sedang bermain badminton dengan kawannya di halaman luar rumahnya. SP15 tinggal di No. 9, Lorong Gemilang Ria 3, Taman Gemilang Ria, Bukit Mertajam, Pulau Pinang dengan ibu, abang, adik dan pembantu rumah dari Indonesia dipanggil Sudiyah.

C **[3]** Menurut SP15 tiba-tiba sebuah kereta besar, berwarna silver pada bahagian atas, warna emas pada bahagian bawah dan mempunyai sticker jalur ungu datang tetapi dia tidak nampak plate nombor kenderaan. Pada mulanya SP15 mengingati jenis kenderaan Pajero tetapi kemudian tahu ia adalah sebuah kenderaan jenis
D Toyota Unser melalui papan iklan di tepi jalan.

[4] SP15 nampak seorang lelaki memakai cermin mata gelap dan bertopeng (mask yang dipakai oleh doktor warna biru), berbaju hitam lengan panjang, berseluar jean dan bertopi, turun dari
E kenderaan tersebut dan menangkap adiknya bernama Lim Yee Khang (SP14) berumur sembilan tahun pada masa kejadian berlaku. SP15 melihat lelaki tersebut menangkap SP14 dengan kedua-dua tangannya mencangkuk di kedua-dua bahagian ketiak adiknya dan membawa SP14 masuk ke dalam bahagian belakang
F kenderaan iaitu belakang pemandu. Pada masa itu, SP15 berada tiga kaki dari kereta tersebut dan SP15 juga nampak seorang perempuan juga memakai cermin mata gelap dan bertopeng ada di belakang tempat duduk pemandu.

G **[5]** Pembantu rumah Sudiyah (SP22) cuba menghalang lelaki yang menculik SP14 dengan memukul lelaki itu.

[6] Selepas SP14 dimasukkan ke dalam kereta oleh lelaki tersebut mereka berdua beredar dari tempat di mana SP14 telah diculik dan berhadapan dengan situasi yang kritikal, SP15
H menelefon ibunya Ng Soot Goh (SP13) dan memberitahunya balik ke rumah secepat mungkin kerana adiknya (SP14) telah pun diculik.

I

[7] SP22 memberi keterangan bahawa pada 19 Disember 2009 beliau bekerja sebagai pembantu rumah bagi majikannya dipanggil "Sharon" iaitu SP13 tetapi tidak tahu alamat rumah SP13 di mana dia bekerja. SP22 hanya tahu rumahnya terletak di kawasan Bukit Mertajam. SP22 menceritakan bahawa pada hari yang sama, jam lebih kurang 5.30 petang, beliau berada di luar depan rumah menjaga SP14 yang sedang bermain badminton dengan anak-anak jiran. Semasa SP14 dan anak jiran berhenti main untuk rehat, pada masa itu sebuah kereta saiz besar datang berhenti berhampiran SP22 menunggu. Dia tidak ingat jenis kereta tetapi mengingati warna silver dan tidak perasan plate nombor kereta kerana waktu itu kelam kabut.

[8] SP22 memberi keterangan bahawa tiba-tiba pemandu kereta tersebut turun dari kereta dan mengangkat anak majikannya yang dipanggil Yee Khang (SP14) dan membawanya masuk ke belakang bahagian tempat pemandu kereta dan menutup pintu dan ketika SP14 diculik dia sedang duduk berehat. Pada masa yang sama, SP22 cuba memukul pemandu kereta dengan botol ketika dia menuju ke pintu kereta tetapi pemandu kereta terus beredar. SP22 tidak dapat mengecamkan muka pemandu kereta warna silver yang menculik anak majikannya, sebab dia memakai topi, topeng, sarung tangan, baju dan seluar hitam.

[9] SP22 mengatakan lelaki itu saiz sederhana dan tinggi, semasa SP14 ditangkap oleh lelaki tersebut, SP14 berada lebih kurang 1 meter dari SP22 dan SP22 kemudian memanggil SP15 untuk memanggil emaknya untuk memberitahunya mengenai kejadian ini.

[10] Selepas kejadian culik berlaku, SP22 mengikut majikannya (SP13) ke Balai Polis di mana pihak polis bertanya kepadanya tentang kejadian tersebut.

[11] Saksi utama dan pengadu kes pihak pendakwaan iaitu Ng Soot Goh atau dikenali oleh pembantu rumah (SP22) sebagai "Sharon" yang kini telah berpisah dengan suaminya yang bernama Lim Lian Seng (SP21), memberi keterangan bahawa dia telah berkahwin secara adat Cina dan mempunyai tiga orang anak, iaitu Lim Yee Hou (SP16) seorang anak lelaki kini berumur 17 tahun,

A Lim Hui Xing (SP15) seorang anak perempuan kini berumur 15 tahun dan Lim Yee Khang seorang anak lelaki lain kini berumur 12 tahun iaitu mangsa penculikan dalam kes ini.

[12] SP13 memberi keterangan bahawa pada 19 Disember 2009 B jam lebih kurang 5 petang, dia berada di salun rambut dan pada jam kira-kira 5.30 petang hari yang sama, anak perempuannya iaitu SP15 menelefonnya dan memberitahu bahawa adik lelaki yang paling kecil bernama Lim Yee Khang (SP14) telah diculik oleh orang. Selepas menerima panggilan telefon, SP13 terus balik ke C rumah dan sebelum bertolak ke balai polis, SP13 menerima satu SMS (Short Messaging Service) dalam Bahasa Mandarin melalui telefon bimbitnya daripada nombor telefon bimbit 016-4929021 yang SP13 tahu membaca Bahasa Mandarin, memberitahu SP13 bahawa anaknya "dalam tangannya" dan dia mahu RM400,000 D sebagai wang tebusan dan menyuruh SP13 jangan pergi ke balai polis untuk membuat laporan polis.

[13] Setelah menerima SMS itu, SP13 terus pergi ke balai polis di Bandar Perda pada jam lebih kurang 6.15 petang dan pihak atasan polis mengarahkan seorang pegawai polis iaitu Sjn. Saw E Boon Chuan (SP18) yang bertugas sebagai "Fellow Liaison Officer" mengikut dia pulang ke rumah. SP13 sampai di rumahnya bersama dengan SP18 pada jam lebih kurang 7 petang. Di rumah, anak sulungnya (SP16), anak perempuannya (SP15), pembantu rumahnya (SP22), dan seorang kawan perempuannya bernama Lim F Siew Ching (SP17) sedang menunggu SP1. Pada waktu malam di rumah hari yang sama, SP13 menunggu panggilan telefon daripada pihak penculik tetapi tiada sesiapa yang menelefonnya.

[14] Pada keesokan harinya iaitu 20 Disember 2009 jam 9.45 G pagi, SP13 menerima satu SMS lagi dalam Bahasa Mandarin daripada nombor telefon bimbit yang sama dan ia bertanya sama ada wang RM400,000 yang diminta telah siap sediakan. Melihat SMS itu, SP13 kemudian memanggil nombor telefon tersebut kerana ingin bercakap dengan anaknya dan juga ingin menawar H dengan orang yang menghantar SMS supaya mengurangkan wang tebusan sebab pada masa itu beliau tidak mempunyai begitu banyak wang. (At this stage no evidence was adduced about the telephone conversation for reason better known to the prosecution). Selepas itu, SP13 menerima SMS yang ketiga dalam I Bahasa Mandarin daripada nombor telefon bimbit yang sama iaitu

016-4929021 yang mengatakan bahawa wang tebusan kini adalah RM300,000 dan memberitahu anaknya masih tidur dan nanti dia bangun, dia akan telefon SP13.

[15] Kemudian pada jam lebih kurang 11 pagi hari yang sama, SP13 menerima panggilan telefon daripada nombor telefon yang sama daripada anaknya Lim Yee Khang (SP14) mengatakan dia dapat makan, dapat tidur dan sendiri pergi ke tandas tetapi SP13 hanya dapat cakap dengan anaknya lebih kurang 30 saat.

[16] Seterusnya SP13 ada menerima SMS yang keempat pada jam lebih kurang 8 malam daripada nombor telefon bimbit yang sama dan mengatakan dia tidak sabar menunggu lagi dan menyuruh SP13 cepat menyediakan wang dan memberitahu jangan main-main.

[17] Pada keesokan harinya iaitu 21 Disember 2009, SP13 menerima SMS yang kelima dalam Bahasa Mandarin dan daripada nombor telefon bimbit yang sama yang menyatakan wang tebusan telah dikurangkan kepada RM200,000 dan memberi SP13 masa sampai 22 Disember 2009 untuk menyediakan wang itu. Jika tidak buat begitu, mereka akan hantar "hadiah" kepada SP13 dan dia merasa ada unsur ugutan dalam SMS dan takut mereka akan hantar sebahagian badan anak kepada dia. SP13 merasa takut dan tidak tahu hendak buat apa.

[18] Pada masa itu, SP13 hanya mendapat wang sebanyak RM120,000 dan adik lelaki bekas suaminya kemudian menolong mencari RM80,000. Adik lelaki bekas suaminya mengeluarkan RM100,000 dari akaun banknya manakala SP13 mengeluarkan RM20,000 dari akaun bank perniagaannya berjumlah RM120,000 pada keseluruhannya. Pada 21 Disember 2009 jam 3 petang, jumlah wang RM200,000 telah pun disediakan. Insp. Pang Meng Tuck (SP12) yang juga bertugas sebagai "Fellow Liaison Officer" secara bergilir-gilir dengan SP18 memberi arahan untuk mencatatkan setiap nombor siri wang kertas ke semua RM200,000 dan SP13, SP16, SP15 dan SP17 menolong SP12 membuat catatan tersebut. Mereka berjaya menyelesaikan membuat catatan nombor siri wang sejumlah RM120,000 dan catatan nombor siri wang baki RM80,000 disempurnakan oleh SP18, SP16, SP15 dan SP17 dan kesemua catatan nombor siri wang dibuat atas kertas.

A **[19]** Selepas catatan diselesaikan, wang RM200,000 disimpan dalam satu beg komputer jenama "HP" yang ada kesan liquid paper eraser tertumpah oleh bekas suami SP13 iaitu Lim Lian Seng (SP21). SP13 dan semua orang yang membantu membuat catatan menyaksikan SP21 mengisikan wang sejumlah RM200,000
B ke dalam beg itu.

[20] Pada 21 Disember 2009, jam 7 petang SP13 menghantar SMS ke nombor telefon bimbit 016-4929021 kepada orang yang menghubunginya tentang wang tebusan dan memberitahu bahawa
C wang RM200,000 sudah siap dan dia ingin bercakap dengan anaknya (SP14).

[21] Selepas itu orang itu membuat panggilan telefon daripada nombor yang lain iaitu 016-4340865 dan bagi SP13 bercakap dengan anaknya selama 20 saat dan SP14 memberitahu ibunya
D bahawa dia tidak boleh makan, mereka mahu duit dan meminta SP13 jangan buat laporan polis.

[22] Kemudian pada jam 9 malam hari yang sama, SP13 menerima SMS keenam dalam Bahasa Mandarin daripada nombor
E telefon bimbit 016-4340865 mengarahkan SP13 pergi ke Stesen Petrol Caltex dekat Tesco Supermarket yang terletak dekat dengan Jambatan Pulau Pinang di Pulau Pinang. SP13 memandu kereta seorang diri dari rumah, tiada ada orang lain di dalam kereta dan membawa beg "HP" berisi wang bersama dengannya dan sampai
F di Stesen Petrol Caltex dalam masa 30 minit.

[23] Di Stesen Petrol Caltex, SP13 menghantar SMS ke nombor telefon bimbit 016-4340865 dan memaklumkan telah sampai dan orang itu menjawab SMS dan menyuruh SP13 pergi ke tepi Tesco
G Supermarket.

[24] SP13 memandu keretanya ke tepi Tesco Supermarket dan seorang lelaki Cina bercakap dalam Bahasa Mandarin dalam panggilan telefonnya kepada SP13 dan mengarahkan dia meletakkan wang di tepi jalan. Lelaki Cina itu bercakap Bahasa
H Mandarin dalam loghat seperti orang Malaysia cakap dan panggilan telefon itu datang daripada nombor telefon bimbit yang kedua iaitu 016-4340865 dan memandangkan SP13 tidak tahu tempat yang dimaksudkan, dia memandu kereta ke persimpangan jalan dan lelaki tersebut menelefon dia sekali lagi dan mengatakan SP13 sudah
I silap. Lelaki tersebut menyuruh dia membuat pusingan 'U' dan

kembali ke Jalan Besar (Jalan Tunku Kudin) dan meletakkan wang RM200,000 di tepi jalan di mana terdapat satu pokok dan penghadang merah jalan di situ. A

[25] Apabila SP13 tiba di Jalan Tunku Kudin pada jam lebih kurang 9.45 sehingga 9.50 malam, SP13 keluar dari keretanya dan meletakkan wang di atas penghadang merah dan lelaki tersebut dalam telefon mengarahkan dia cepat pulang ke rumah dan jangan menunggu di situ. SP13 memandu kereta balik ke rumah dan lelaki tersebut memberitahu dia jangan risau dan akan memberi arahan di mana dia boleh mengambil balik anaknya (SP14). Seterusnya pada jam 11.30 malam, lelaki tersebut menelefon SP13 dan memberitahu dia pergi ke tempat permainan Tesco Supermarket di Seberang Perai untuk mengambil balik anaknya iaitu Lim Yee Khang (SP14). B C

[26] Kemudian SP13 dan bekas suaminya (SP21) cepat pergi ke tempat permainan kanak-kanak di hadapan Tesco Supermarket dan mengambil balik SP14 yang kelihatan takut. SP14 memberitahu ibunya (SP13) di dalam kereta ada seorang lelaki Cina memandu kereta dan seorang perempuan Cina di bahagian belakang kereta yang memeluknya dan SP14 juga mengatakan kemungkinan besar mereka berdua berasal dari negara China kerana loghat Mandarinnya berlainan daripada loghat Mandarin Malaysia. D E

[27] SP14 menceritakan kepada SP13 bahawa dia tidak dapat cam lelaki tersebut sebab dia memakai topeng yang menutup mulut dan hidung seperti 'mask' doktor pakai, walau bagaimanapun, SP14 boleh mengecamkan perempuan Cina itu sebab ada pernah nampak mukanya semasa dia ada di tepi katil SP14 dan pada masa itu perempuan Cina tersebut sedang membuat persediaan untuk mengambil kapas dan salotape untuk menutup mata SP14. SP14 memerhatikan di atas bibir perempuan Cina itu ada tahi lalat dan perempuan Cina tersebut kemudian dicamkan sebagai tertuduh kedua dalam kes ini iaitu Gao Bingju oleh SP14. F G

[28] Ketiga-tiga saksi pendakwaan iaitu Lim Siew Ching (SP17) seorang kawan perempuan ibu mangsa penculikan iaitu Ng Soot Goh (SP13), Insp. Pang Meng Tuck (SP12), dan Sjn. Saw Boon Chuan (SP18) pada asasnya memberi keterangan masing-masing untuk menunjukkan bahawa mereka menolong kedua-dua anak SP13 dan SP13 mencatatkan nombor siri kesemua wang tebusan berjumlah RM200,000. SP12 kemudian menaip semula semua nombor siri wang sebanyak RM120,000 dengan komputer dan H I

A mencetakkannya. SP12 juga memberi keterangan bahawa SMS yang diterima oleh telefon bimbit SP13 iaitu 012-4942889 ialah daripada nombor telefon bimbit 016-4929021.

[29] Saksi pihak pendakwaan yang lain iaitu Lim Lian Seng
B (SP21) bapa kepada mangsa SP14 memberi keterangan bahawa dia meminjam sebahagian wang daripada bekas isterinya dan adik lelakinya bagi mengumpulkan wang tebusan sebanyak RM200,000 yang diminta oleh penculik. SP21 mengira semua wang tersebut dan memasukkan ke dalam satu beg komputer warna hitam.

C **[30]** Pada waktu malam tarikh 21 Disember 2009 apabila SP13 keluar dari rumahnya untuk menyerahkan wang tebusan kepada penculik, SP21 berada di rumah SP13 di Bukit Mertajam. Selepas SP13 telah menyerahkan wang tebusan dan kembali ke rumah, tidak lama kemudian SP21 dan SP13 keluar ke Taman Permainan
D Kanak Kanak di hadapan Tesco Supermarket di Butterworth untuk mengambil balik anak (SP14) mereka yang ditinggalkan oleh penculik.

[31] Sebelum saksi utama pihak pendakwaan iaitu mangsa
E penculikan Lim Yee Khang (SP14) mula memberi keterangan, mahkamah memakaikan Evidence of Child Witness Act 2007 (Act 676) kerana SP14 yang kini berumur 12 tahun (pada masa kejadian dia berumur 9 tahun) masih merupakan seorang "child witness" dan Akta 676 mentafsirkan "child witness" sebagai
F seorang di bawah umur 16 tahun yang dipanggil atau dicadangkan memberi keterangan dalam sesuatu prosiding tetapi tidak termasuk seorang tertuduh atau seorang "child charged with any offence."

[32] Sungguh pun tidak perlu, sebelum SP14 memberi
G keterangan melalui 'video recording,' mahkamah memakaikan peruntukan s. 133A Akta Keterangan 1950 untuk memastikan bahawa SP14 "is possessed of sufficient intelligence to justify the reception of the evidence" dan benar-benar memahami tugas bercakap benar dalam mahkamah.

H **[33]** Bagi mahkamah menentukan bijak pandai SP14, mahkamah bertanya SP14 beberapa soalan yang ada kaitan dengan peranannya sebagai saksi, khususnya sebagai saksi utama. Selepas menerima jawapan SP14 kepada soalan mahkamah, mahkamah tidak lagi meragui keupayaan intelektual SP14 memberi keterangan
I 'on oath' atau secara berikrar dan SP14 terus memberi keterangan dalam Bahasa Mandarin secara berikrar.

[34] SP14 memberi keterangan bahawa pada 19 Disember 2009 dia sedang bermain badminton dengan orang gaji keluarganya dipanggil Sudiyah (SP22) dan beberapa kawannya di hadapan rumahnya beralamat No. 9, Lorong Gemilang Ria 3, Taman Gemilang Ria, Bukit Tengah, Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Semasa mereka berehat di luar rumah kawannya yang terletak di hadapan rumah SP14, sebuah kereta berwarna silver dan emas, agak besar datang dan seorang lelaki Cina keluar dari kereta dan terus menangkap SP14 dengan dua tangannya dan membawanya masuk ke dalam belakang kereta itu yang SP14 tidak tahu jenis kereta. SP14 tidak dapat nampak muka lelaki Cina itu sebab dia memakai 'mask' dan topi dan SP14 juga tidak perasan pakaiannya.

[35] Dalam kereta, SP14 melihat seorang perempuan Cina dengan rambut panjang duduk di belakang kereta dan SP14 tidak dapat nampak muka perempuan Cina sebab dia juga memakai topeng semacam doktor pakai dan SP14 duduk di sebelah tepi perempuan Cina tersebut dan lelaki Cina itu memandu kereta. Dalam perjalanan, lelaki Cina tersebut menyuruh SP14 jangan buat bising dalam Bahasa Mandarin dan dia cakap seperti orang tempatan sebab sebelum itu, SP14 ada membuat bising sedikit dengan merayu kepada lelaki Cina itu agar melepaskannya dan bagi dia turun dari kereta.

[36] Dalam kereta, perempuan Cina itu menutup mata SP14 dengan tangan dan menyuruh dia jangan bising dalam Bahasa Mandarin semacam nada orang negara China cakap. SP14 menceritakan dia ada dalam kereta lebih kurang 5 atau 10 minit dan sungguh pun matanya ditutup dengan tangan, dia masih dapat melihat ada banyak kenderaan di luar kereta dan dia ada mendengar lelaki Cina itu meminta perempuan Cina mengikat matanya dengan kain.

[37] Apabila mereka hampir sampai di sebuah rumah, perempuan Cina menggunakan kain untuk mengikat dan menutup mata SP14 sehingga dia tidak dapat nampak rumah itu dan di rumah itu, lelaki Cina yang memandu kereta menarik SP14 keluar dari kereta dan membawa dia masuk ke dalam rumah. Dia boleh merasa menaiki tangga dan ketika itu tidak mendengar apa-apa perbualan di antara lelaki Cina dan perempuan Cina itu.

[38] Di dalam rumah SP14 mengatakan dia dibawa oleh mereka berdua masuk ke dalam sebuah bilik dan kemudian lelaki Cina itu bertanya dia tentang nombor telefon ibunya (SP13) dan dia

memberi nombor 012-4942889. Dia bercakap dengan SP14 dalam Bahasa Mandarin yang faham bahasa itu dan SP14 merasa bahawa lelaki Cina di dalam rumah dan lelaki Cina di dalam kereta adalah orang yang sama sebab suara adalah sama. Selepas itu lelaki Cina menelefon ibu SP14 dan pada masa itu SP14 berada di bilik di atas rumah dan dapat melihat ada katil (tilam) tanpa cadar, kipas siling, langsir, dan jenis tiles warna cream di dalam bilik. SP14 mengatakan dia menurunkan kapas yang menutup matanya sedikit dan pada masa itu "mata saya dapat lihat, curi-curi lihat." Walau bagaimanapun, SP14 mengatakan dia terlupa sama ada dia dikurung di bilik atas atau bilik bawah rumah.

[39] SP14 menambah bahawa dalam kereta, matanya diikat dengan kain tetapi sampai di bilik atas, lelaki Cina membuka ikatan kain daripada mata dan SP14 sempat nampak perempuan Cina itu yang ada tahi lalat di atas bibirnya. Ketika itu perempuan Cina itu tidak memakai 'mask' yang kemudian SP14 mengecamkan sebagai tertuduh kedua bernama Gao Bingju, walau bagaimanapun, SP14 tidak nampak muka lelaki Cina sebab dia masih pakai 'mask'.

[40] SP14 memberi keterangan:

> Masa itu perempuan Cina berada di hadapan saya, sangat dekat saya, masa itu lewat petang, pukul 6.00 petang, 7.00 petang. Bilik itu sedikit cerah, sedikit gelap.
>
> Penglihatan saya masih jelas. Boleh lihat dengan jelas. Saya dapat tengok perempuan itu lebih kurang 5 sehingga 8 minit. Cahaya datang dari luar tingkap.
>
> Dalam masa 5 hingga 8 minit, saya asyik pandang ke muka perempuan Cina itu. Saya masih ingat muka perempuan Cina itu, di atas kanan bibir perempuan Cina itu ada tahi lalat.

[41] SP14 menceritakan selama lima sehingga lapan minit, tertuduh kedua sedang bercakap dengan dia dan menyuruh dia jangan bising dan tertuduh kedua cakap Bahasa Mandarin yang bernada (accent) semacam orang negara China dan sebelum dia menutup mata SP14, SP14 nampak tertuduh kedua sedia menggunakan kapas untuk menutup kedua-dua matanya.

[42] SP14 menceritakan dia telah dikurung oleh mereka berdua di dalam bilik agak selama dua malam, walau bagaimanapun dia ada dibekalkan makanan dan minuman oleh lelaki Cina dan dibenarkan pergi ke tandas tetapi setiap kalinya akan diikuti oleh lelaki Cina itu. SP14 mengatakan di dalam rumah, dia tidak dapat

membuka pintu bilik di mana dia telah dikurung oleh lelaki dan tertuduh kedua dan sepanjang masa itu lelaki Cina berada dengannya, dia masih memakai 'mask'. A

[43] Sebelum SP14 dibawa keluar dari rumah, lelaki Cina itu memberitahunya bahawa ibu SP14 telah memberi wang tebusan dan hendak melepaskan dia balik ke rumah. Dia juga kata selepas mengambil wang tebusan, dia hendak pergi ke luar negara dan cakap dalam Bahasa Mandarin dengan suara yang sama. B

[44] Selepas itu SP14 dibawa keluar dari kereta dengan matanya tertutup ke dalam kereta yang sama, dan sungguhpun matanya ditutup, SP14 masih dapat melihat sedikit, iaitu warna bahagian belakang kereta. SP14 duduk di dalam kereta selama lebih kurang lima minit dan tidak ingat sama ada orang lain duduk dengannya. C

[45] Selepas kereta berhenti, lelaki Cina itu yang memandu kereta, mengambil SP14 turun dari kereta dengan matanya masih ditutup tetapi ia dibuka kemudian oleh lelaki Cina itu. Lelaki Cina itu membawa SP14 ke Taman Permainan gelanggang bola keranjang dan menyuruh SP14 memejam mata sementara menunggu ketibaan ibunya. Di situ selepas ikatan mata dibuka oleh lelaki Cina itu, SP14 ada pandang ke mukanya tetapi tidak dapat nampak mukanya sebab dia masih memakai topeng dan topi dan pada masa itu adalah waktu malam. D E

[46] Selepas itu lelaki Cina itu meninggalkan SP14 di situ dan tidak lama kemudian, ibu bapa (SP13 dan SP21) dan kawan SP13 iaitu SP17 datang mengambilnya balik ke rumah dan pada masa itu, SP14 memegang reket badminton sebab semasa diculik dia masih memegang reket itu. F

[47] Saksi pendakwaan lain Lim Boon Peng (SP9) seorang mekanik yang bekerja di kedai tayar MTE Modern Tyre Sdn Bhd yang terletak di Lebuhraya Thean Teik, Air Ram, Pulau Pinang, memberi keterangan bahawa pada 22 Disember 2009 jam lebih kurang 4 petang sehingga 5 petang, tertuduh 1 Lai Khan Nei memandu sebuah kereta jenis Toyota Unser No. PEP 6108 ke kedai di mana dia bekerja dan memintanya menukar dua tayar baru bernilai RM250 setiap tayar dan minyak enjin. Tertuduh pertama meninggalkan kereta di kedai dan kembali ke kedai lebih kurang satu jam kemudian untuk mengambil balik keretanya. Tiada ada orang lain dengan tertuduh pertama semasa dia datang ke kedai dan dia membayar sejumlah besar RM607 dengan wang tunai. G H I

[48] Saksi awam yang lain iaitu Chang Lih Ling (SP20) yang bekerja sebagai 'ticketing staff' di Sin Pen Travel Sdn Bhd di Pulau Pinang, memberi keterangan bahawa pada 22 Disember 2009 tertuduh pertama Lai Khan Nei datang membeli dua tiket penerbangan AirAsia dari Pulau Pinang ke Macau bagi diri sendiri dan tertuduh 2 bernama Gao Bingju dengan tarikh perlepasan dari lapangan terbang Pulau Pinang ialah pada 7 Januari 2010 dan kembali dari Macau ke Pulau Pinang pada 6 Februari 2010, dia membayar dengan wang tunai kertas sebanyak RM1,226 (eks. P100).

[49] ASP Mohd Naim bin Asnawi (SP10) memberi keterangan bahawa sebaik sahaja dia menerima arahan daripada Ketua Jabatan Siasatan Jenayah, Pulau Pinang, dia dan sembilan anggota polis bergerak ke Genting Highlands pada 24 Disember 2009 jam kira-kira 9 malam. Pada 25 Disember 2009, jam lebih kurang 3.30 pagi, SP10 dan pasukan serbuannya sampai di Genting Highlands. Pada jam lebih kurang 3.45 pagi, SP10 dan beberapa anggota serbuannya terus bergegas ke sebuah bilik No. 927, Tingkat 14, Tower 2, di First World Hotel, Genting Highlands. Dua anggota mengawal lif di tingkat 14 manakala dua anggota lain mengawal hadapan di pintu bilik No. 927. Apabila SP10 sampai di bilik No. 927 di hotel, dia mengetuk pintu bilik sebanyak lima atau enam kali dan memperkenalkan diri sebagai polis kepada seorang lelaki Cina bernama Lai Khan Nei iaitu tertuduh pertama yang membuka pintu bilik dan SP10 dan pasukannya terus masuk ke dalam bilik untuk membuat pemeriksaan. Mereka mendapati seorang perempuan Cina bernama Gao Bingju, nombor pasport G33693554 beralamat di Heilongjiang, negara China, sedang berbaring di atas tilam katil kemudian dicamkan sebagai tertuduh kedua.

[50] Penggeledahan lanjut dalam bilik oleh SP10 dan pasukan serbuannya yang disaksikan oleh kedua-dua tertuduh, mereka menjumpai satu beg jenama 'Boss' warna coklat yang terletak di atas meja televisyen di dalamnya antara lain mengandungi barang-barang seperti berikut:

1. Satu kad Genting City of Entertainment atas nama Lai Khan Nei;
2. Lima telefon bimbit;
3. Wang tunai RM100 sebanyak 30 keping;
4. Wang tunai RM50 sebanyak 80 keping;

5. Pasport atas nama Gao Bingju; dan

6. Beberapa kad bank tempatan dan negara China.

[51] Semasa pemeriksaan bilik hotel dilakukan, SP10 dan pasukan serbuannya menjumpai sejumlah RM7,000 tidak lagi mengira wang negara China.

[52] Selepas itu tertuduh diarahkan oleh SP10 untuk membawanya dan beberapa anggota serbuannya ke lokasi di mana dia telah meletakkan kereta Toyota Unser No. PEP 6108 di tempat letak kereta di hotel tersebut dan walaupun tempat letak kereta Toyota Unser itu adalah tidak jauh, tertuduh melengahkan membawa mereka ke tempat keretanya dengan berpusing-pusing di situ selama lebih kurang 30 minit barulah mereka menemui keretanya di mana SP10 merampas kereta tertuduh. Geran kereta atas nama tertuduh pertama dijumpa dalam glove compartment dan SP10 juga mendapati bilik hotel didaftarkan atas nama tertuduh pertama.

[53] Selepas menyelesaikan penggeledahan bilik hotel pada jam lebih kurang 5.30 pagi, SP10 merampas semua barang kes dan memasukkan ke dalam beg masing-masing dan beg-beg ada di bawah penjagaannya. Selepas itu SP10 memberitahu kedua-dua tertuduh iaitu Lai Khan Nei dan Gao Bingju tentang alasan penangkapan mereka yang bersangkut dengan Laporan Polis Bukit Tengah No. 13114/2009.

[54] Selepas itu SP10 dan pasukan serbuannya membawa semua barang kes dan kedua-dua tertuduh ke balai polis di Genting Highland untuk membuat aduan. Dari First World Hotel ke balai polis, barang kes masih ada di bawah kawalan SP10. Selepas SP10 menyelesaikan laporan polis dan senarai bongkar pada jam lebih kurang 8.30 pagi pada 25 Disember 2009 di Balai Polis Genting Highland, SP10 dan pasukan serbuannya rehat untuk makan dan juga untuk bersiap balik ke balai polis di Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Mereka sampai di Ibu Pejabat Polis Daerah Bukit Mertajam pada jam lebih kurang 2.45 petang hari yang sama dan sepanjang masa perjalanan mereka balik ke Pulau Pinang, barang kes masih ada di bawah penjagaan SP10.

[55] Pada 25 Disember 2009 jam lebih kurang 3.30 petang di Balai Polis Bukit Mertajam, SP10 menyerahkan kedua-dua tertuduh dan semua barang kes termasuk sejumlah RM7,000 dan wang currency negara China kepada ASP Mogan a/l Subramaniam (SP24) untuk tindakan lanjutnya sebagai Pengawai Penyiasat kes.

[56] ASP Hasmizan bin Husin (SP27) memberi keterangan bahawa pada 27 Disember 2009, jam lebih kurang 2 petang, SP27 mengetuai sepasukan polis dengan dipandu arah oleh tertuduh pertama ke Blok 310-10-07, Taman Jade View, Jalan Bukit Gambir, Pulau Pinang, dan merampas sebuah motosikal No. PEV 2634 yang telah digunakan oleh tertuduh pertama berkaitan dengan kes penculikan SP14.

[57] SP24 memberi keterangan bahawa setelah menerima arahan untuk membuat siasatan dalam kes ini di bawah s. 3 Akta Culik 1961, dia dan jurugambar L/Kpl Khosim (SP2) pergi ke rumah mangsa penculikan (SP14) di No. 9, Lorong Gemilang Ria 3, Taman Gemilang Ria, Bukit Mertajam, Pulau Pinang, untuk merakamkan gambar tempat mangsa diculik, gambar mangsa, melukis rajah kasar dan mengambil barang mangsa seperti reket badminton, baju-T, seluar pendek dan sepasang seliparnya. Sebelum ini SP24 memperkenalkan diri kepada ibu mangsa bernama Ng Soot Goh (SP13) dan menjalankan temubual dengan SP14, pembantu rumah mereka dipanggil Sudiyah (SP22), dan kakak mangsa SP14 yang bernama Lim Hui Xing (SP15) dan mangsa penculikan adalah seorang budak lelaki Cina bernama Lim Yee Khang (SP14) dan saksi kejadian ialah SP22 dan SP15.

[58] Menurut SP24, Family Liaison Officer Sjn Saw Boon Chuan (SP18) menyerahkan kepada dia kertas catatan nombor siri wang tebusan. SP24 juga mengatakan bapa mangsa SP14 iaitu Lim Lian Seng (SP21) membawanya dan SP2 ke tempat di Taman Permainan Kanak-Kanak di mana SP14 dibebaskan oleh penculik di mana gambar di situ juga diambil. Setelah selesai merakamkan gambar, SP24 dan SP2 balik ke balai polis di Bukit Mertajam di mana SP24 menyimpan semua barang kes dalam peti besi di dalam biliknya yang berkunci.

[59] SP24 juga ada menyiasat dua nombor telefon iaitu 016-4929021 dan 016-4340865 yang digunakan oleh penculik bagi menghubungi SP13 dan mendapati agen dari negara China yang

membeli sim kad secara keseluruhan dan oleh itu, penjual simkad tidak ingat siapa yang membeli dua simkad itu dan juga tidak menyimpan rekod pembelian. SP24 mengatakan kedua-dua simkad yang mempunyai nombor 016-4929021 dan 016-4340865 tidak dapat dirampas olehnya sebab ia dimusnahkan oleh tertuduh pertama sebab pada masa penangkapan, dua simkad itu ada dengan tertuduh pertama. SP24 mengatakan selepas tarikh 22 Disember 2009 apabila wang tebusan telah diberikan oleh SP13, tiada lagi sebarang panggilan telefon daripada kedua-dua nombor telefon bimbit tersebut yang digunakan oleh penculik ke nombor telefon 012-4942889 ibu mangsa (SP13).

[60] Pada 24 Disember 2009 jam lebih kurang 3 petang SP24, jurugambar (SP2) dan ibu mangsa (SP13) pergi ke Jalan Tunku Kudin dekat Tesco Supermarket untuk mengambil gambar di mana SP13 meninggalkan wang tebusan bagi penculik.

[61] Pada 25 Disember 2009 jam lebih kurang 5.40 pagi, SP24 menerima maklumat daripada SP10 bahawa dia telah menangkap seorang lelaki Cina dan seorang perempuan Cina warga negara China di Genting Highlands, kemudian dicamkan sebagai tertuduh pertama Lai Khan Nei dan tertuduh kedua Gao Bingju. Kemudian pada jam lebih kurang 8.45 pagi, SP24 menerima kedua-dua tertuduh, semua barang kes, repot penangkapan dan borang bongkar daripada SP10 termasuk sebuah kereta jenis Toyota Unser No. PEP 6108.

[62] Selepas menerima semua barang kes daripada SP10, SP24 memeriksa dan menandakannya dan menurunkan tandatangannya ke atas barang kes, menyimpan kunci kereta di dalam peti besi termasuk menemubual dengan kedua-dua tertuduh dengan kehadiran dua anggota polis Cina. Semasa menyoal siasat tertuduh pertama, SP24 melihat dia ada dalam keadaan sihat dan baik, faham Bahasa Malaysia, dia sudah makan dan SP10 ada membeli makanan semasa balik dari Genting Highlands. Hasil soal siasat, tertuduh pertama Lai Khan Nei memberitahu SP24 dia ada menyimpan duit di dalam beg di atas siling di dalam bilik air di rumah sewanya di No. 22A, Lorong Seri Arowana 9, Taman Arowana, Seberang Jaya.

[63] Pada peringkat ini, peguambela yang bijaksana membantah terhadap kebolehterimaan jawapan ini dan mahkamah membuat ruling iaitu 'Reserves on point of law.'

[64] Pada 25 Disember 2009 selepas 4.05 petang, SP24 dan beberapa anggotanya dan ASP Jafri bin Md Zain (SP11) dari Cawangan Forensik Ibu Pejabat Polis Kontinjen, Pulau Pinang dan anggotanya termasuk kedua-dua tertuduh pergi ke alamat rumah tersebut. Di rumah itu, SP24 meminta SP11 mencari bahan bukti bagi mengaitkan kedua-dua tertuduh dengan kesalahan ini.

[65] Di rumah teres dua tingkat itu, tertuduh pertama mengambil kunci yang dirampas oleh SP10 untuk membuka pintu rumah dan di dalam rumah SP24 melihat tiada sesiapa pun berada di dalamnya dan dipandu oleh tertuduh pertama SP24 dan beberapa anggotanya pergi ke sebuah bilik air yang terletak di tingkat satu di dalam rumah itu. Di dalam bilik air, tertuduh pertama menunjukkan dengan jari siling di atas bilik air serta memberitahu SP24 ada beg mengandungi duit disembunyikan di atas siling di bawah bumbung dan pada masa itu tangan tertuduh digari.

[66] Selepas itu SP24 menggunakan tangga yang sedia ada di dalam bilik air dan memanjat ke siling yang ditunjukkan oleh tertuduh pertama untuk membukanya. Setelah membuka sekeping siling, SP24 nampak satu beg komputer riba warna hitam dan satu beg galas warna hitam dengan perkataan "ENS" di luar yang mengandungi satu beg warna putih. SP24 mengeluarkan dua beg itu dan meletakkan kedua-dua beg itu di atas lantai untuk pemeriksaan.

[67] SP24 membuka beg komputer dan melihat di dalamnya kosong dan membuka beg galas warna hitam dan mendapati di dalamnya ada satu beg galas warna putih dengan tulisan Cina dalam warna hijau di luar dan di dalam beg ini ada dua ikatan wang kertas RM50, kedua-duanya berjumlah RM10,000. SP24 mengarahkan jurugambar mengambil gambar beg bersama wang dan ketika itu kelihatan tertuduh pertama dalam keadaan gelisah. Sementara itu SP11 ada mengumpulkan beberapa sampel dari bilik di atas dan di bawah. Selepas itu, SP24, SP11 dan anggota mereka masing-masing kembali ke balai polis di Bukit Mertajam dan sepanjang masa daripada barang kes dijumpai sehingga ke balai polis, barang kes ada di bawah pengawalan SP24. SP11 juga ada memperolehi sampel bukti dari Toyota Unser No. PEP 6108 dan menyerahkan sampel yang diambil dari rumah dan kereta kepada SP24.

[68] SP24 mendapati tertuduh pertama yang menyewa rumah tersebut di Taman Arowana daripada tuan punya rumah bernama Lim Bee Nah dan SP24 juga merampas dua tiket penerbangan pergi dan balik dari Pulau Pinang ke Macau yang telah dibeli oleh tertuduh pertama daripada SP20. SP24 juga mendapati selepas wang tebusan diserahkan oleh SP13 kepada tertuduh pertama, dia ada memandu kereta jenis Toyota Unser No. PEP 6108 kepunyaannya, ke kedai MTE Modern Tyre Sdn Bhd di Air Itam, Pulau Pinang, untuk menukar tayar baru dan minyak enjin dari kedai di mana SP9 bekerja dan membayar dengan wang tunai RM607 dan kejadian ini berlaku pada 22 Disember 2009.

[69] SP24 mengatakan bahawa dua orang perempuan warganegara China bernama Liu Li dan Zhou Dong Mei masing-masing dan seorang lelaki Cina tempatan Tang Kia Hong juga ditangkap tetapi ketiga-tiga tangkapan dibebaskan oleh sebab siasatan menunjukkan mereka tidak terlibat dengan penculikan SP14.

[70] Setelah SP27 selesai memberi keterangan pada peringkat kes pendakwaan, pihak pendakwaan memberitahu mahkamah bahawa ia menutup kesnya, dan tiada saksi pendakwaan ditawarkan untuk pembelaan kerana kesemua saksinya telah dipanggil untuk memberi keterangan.

Pada Penutupan Kes Pendakwaan

Penghujahan Pembelaan

Kes *Prima Facie*

[71] Peguambela yang bijaksana berhujah bahawa pada akhir kes pendakwaan, mahkamah hendaklah mematuhi prosedur yang terkandung dalam peruntukan s. 180(4) Kanun Tatacara Jenayah yang berbunyi:

> For the purpose of this section, a *prima facie* case is made out against the accused where the. prosecution has adduced credible evidence proving each ingredient of the offence which if unrebutted or unexplained would warrant a conviction.

A Elemen Kesalahan

[72] Seksyen 3(1) Akta Penculikan 1961 (Akta No. 365) states:

> Whoever, with intent to hold any person for ransom, abducts or wrongfully confines or wrongfully restrains such person shall be
B guilty of an offence and shall be punished on conviction with death or imprisonment for life and shall, if he is not sentenced to death, shall also be liable to whipping.

Intipati Penculikan

C **[73]** Pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan elemen kesalahan ini kerana SP14 telah diculik pada 19 Disember 2009.

Dihalang Secara Salah Dengan Niat Bagi Maksud Mendapatkan Wang Tebusan

D **[74]** Pembelaan menghujahkan bahawa pihak pendakwaan juga dapat membuktikan elemen kesalahan ini tetapi tidak dapat membuktikan siapa yang menculik mangsa.

Perundingan Untuk Mendapatkan Wang Tebusan

E **[75]** Pihak pendakwaan juga membuktikan intipati kesalahan ini sebab wang tebusan diminta oleh orang dipanggil 'Lan Nan' (Nombor Pasport China: G136625460) melalui telefon bimbit No. 016-4929021 dan 'Lin Tang' (Nombor Pasport China:
F G22113456) melalui telefon bimbit No. 016-4340865).

Perbuatan Menculik

[76] Pihak pendakwaan gagal membuktikan elemen ini sebab keterangan menunjukkan Lan Nan dan Lin Tan membuat
G penculikan dan tiada keterangan mengaitkan kedua-dua tertuduh dengan kesalahan dan niat bersama.

Beban Pembuktian

H **[77]** Pembelaan memetik kes *Looi Kow Chai & Anor v. PP* [2003] 1 CLJ 734, *PP v. Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457, *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85 dan *PP v. Dato Seri Anwar bin Ibrahim (No. 3)* [1999] 2 CLJ 215 untuk menunjukkan prinsip bagaimana mahkamah boleh menentukan sama ada
I pendakwaan dapat mengemukakan kes *prima facie*.

Identiti Penculik

[78] SP14 berumur sembilan tahun semasa diculik dan berumur 12 tahun apabila dia memberi keterangan di mahkamah.

Seksyen 133A Akta Keterangan 1950

[79] Pemakaian peruntukan ini memerlukan keterangan sokongan sebab ia membabitkan keterangan 'child witness'. Peguambela yang bijaksana menyebut kes *Chao Chong & Ors v. PP* [1959] 1 LNS 11 (CA); *Loo Chuan Huat v. PP* [1971] 1 LNS 68 (FC) dan *PP v. Steven Pangiraja & Lain* [2012] 3 CLJ 1016 (HC); bagi menyokong hujahnya.

Pengecaman Identiti Penculik

[80] Keterangan kes pendakwaan seolah-olah bergantung kepada seorang saksi dan oleh itu kualiti keterangan tentang identiti mesti mencukupi dan kes *Muharam bin Anson v. PP* [1981] 1 MLJ 222; *Jaafar Ali v. PP* [1998] 4 MLJ 406; *Arumugam a/l Muthusamy v. PP* [1998] 3 MLJ 73 (FC); *Rangapula & Anor v. PP* [1982] 1 MLJ 91 dan *Yau Heng Fang v. PP* [1985] 2 MLJ 335 (FC); dipetik bagi menyokong hujah pembelaan.

[81] SP14 tidak dapat nampak muka lelaki Cina yang menculiknya di hadapan rumah SP14 dan dia juga tidak dapat melihat perempuan Cina yang duduk di tepinya dalam kereta kerana perempuan Cina memakai 'mask' macam doktor pakai. Keterangan SP14 mengenai tahi lalat di bibir kanan tertuduh kedua tidak disokong oleh saksi lain dan di mahkamah dia berpeluang melihat tahi lalat tertuduh kedua sebelum dia dipanggil untuk memberi keterangan.

[82] SP14 memberi keterangan bahawa semasa dikurung di dalam bilik oleh penculik, dia dapat nampak muka tertuduh kedua selama lapan minit yang tidak memakai cermin mata tetapi tertuduh kedua ada memakai cermin mata di mahkamah dan keterangannya bercanggah.

[83] SP15 mengatakan seorang lelaki memakai cermin mata hitam dan topeng muka warna biru seperti yang dipakai oleh doktor dan nampak seorang perempuan di belakang tempat duduk pemandu dan dia tidak nampak muka perempuan itu kerana dia pakai cermin mata gelap dan 'mask doctor'.

[84] Pembelaan menghujahkan bahawa tertuduh kedua memakai cermin mata cerah dan bukan cermin mata gelap seperti yang dinyatakan oleh SP15 dan SP14 langsung tidak menyentuhi cermin mata gelap yang dipakai oleh perempuan itu.

[85] Keterangan SP14 tentang identiti perempuan yang dia lihat semasa dikurung di dalam bilik rumah oleh penculik tidak disokong oleh keterangan SP15 yang nampak perempuan dalam kenderaan memakai cermin gelap ketika perbuatan penculikan dilakukan.

[86] Berdasarkan keterangan SP14 dan SP15, timbul keraguan tentang identiti penculik yang sebenarnya yang menculik SP14, dan tiada sebarang keterangan bagi mengaitkan kedua-dua tertuduh dengan kesalahan.

Pemilik Rumah Mangsa Dikurung

[87] Pemilik rumah beralamat No. 22A, Lorong Seri Arowana 9, Taman Seri Arowana, Seberang Jaya tidak dipanggil sebagai saksi khususnya mengenai penghuni rumah bagi tempoh 19 Disember 2009 sehingga 25 Disember 2009 menyebabkan rantai keterangan terputus. Lagi pun, RM10,000 yang dijumpai di atas siling bilik air rumah itu adalah kepunyaan pembayar cukai rumah tersebut bernama Lim Bee Nah.

Jenis Kenderaan

[88] SP13 mengatakan dalam keterangannya bahawa kenderaan yang digunakan untuk menculik anak lelakinya (SP14) pada masa kejadian adalah kereta jenis 'Pajero' dan pembelaan menghujahkan bahawa kenderaan yang sebenarnya digunakan adalah 'Pajero' dan bukan Toyota Unser.

Laporan Kimia (P5)

[89] Keputusan DNA berpandu kepada eks. P5 tidak mengaitkan kedua-dua tertuduh dengan kesalahan seperti dilihat:

(a) A mixed DNA profile of at least two individuals was developed from swabs of T-shirt 'M15' and badminton racket 'M19' where the donor of bloodstained specimen 'M25' (labelled 'Lim Yee Khang') was consistent with being one of the contributors of the mixed DNA profile. However the other contributor was too weak to be conclusively identified for comparison.

(b) Weak/inconclusive DNA profile was developed from swab of tooth brush 'M6', shaver 'M6A', slippers 'M16', pants 'M17' and swabs 'M8', 'M9' and M13.

(c) No DNA profile was developed from swabs 'M10', 'M11', 'M12' and 'M14', hairs 'M4' and 'M5' and swab of underwear 'M18'.

Zhou Dong Mei Dan Liu Li

[90] Kegagalan memanggil kedua-dua saksi ini untuk memberi keterangan menimbulkan peruntukan s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap pihak pendakwaan dan keterangan mereka berdua di 'supressed'.

Wang Tebusan

[91] Tiada keterangan wang berjumlah RM10,000 yang ditemui di atas siling bilik air di rumah No. 22A, Lorong Seri Arowana 9, Taman Seri Arowana, Seberang Jaya dan rampasan jumlah RM7,000 bersama wang Yuan negara China dari bilik First World Hotel di Genting Highlands ada kaitan dengan kedua-dua tertuduh.

[92] Sungguh pun pegawai penyiasat ASP Mogan Subramaniam (SP24) memberi keterangan terdapat persamaan nombor siri wang tebusan yang dirampas dengan nombor siri wang yang dicatat oleh SP18 (Sjn Saw Boon Chuan) dan SP12 (Insp. Pang Meng Tuck) sebelum wang itu diserahkan kepada penculik, tetapi SP24 gagal menunjukkan dengan spesifik nombor siri wang tersebut.

[93] Wang sejumlah RM10,000 yang dirampas dari atas siling bilik air dari rumah yang terletak di Taman Arowana, Seberang Perai, dijumpai dari beg putih di dalam beg galas warna hitam, tetapi keterangan SP13 menunjukkan wang tebusan sebanyak RM200,000 telah dimasukkan ke dalam beg hitam komputer jenama HP. Peguambela yang bijaksana berhujah bahawa timbul keraguan sama ada wang RM10,000 adalah sebahagian daripada wang tebusan.

Seksyen 27 Akta Keterangan 1950

[94] Pembelaan menghujahkan maklumat yang dikatakan diterima daripada tertuduh pertama ekoran daripada soal siasat oleh SP24 mengenai wang RM10,000 tersebut, mestilah ditolak oleh mahkamah kerana tidak mematuhi kehendak-kehendak s. 27 Akta Keterangan 1950.

A **[95]** SP24 gagal merekodkan maklumat tersebut yang dikatakan diberikan oleh tertuduh pertama daripada soal siasatnya di bawah s. 27 Akta Keterangan 1950 untuk mengenepikan keraguan sama ada maklumat itu benar-benar diberikan oleh tertuduh pertama.

B **[96]** Peguambela yang bijaksana berhujah bahawa berdasarkan hujahnya tentang isu keraguan identiti kedua-dua tertuduh dan wang tebusan, kegagalan pihak pendakwaan memanggil saksi-saksi Lim Bee Nah, Liu Li, Zhou Dong Mei, Lan Nan dan Lin Tang bermakna rangkaian keterangan terputus dan justeru itu, pihak
C pendakwaan gagal mewujudkan kes *prima facie* terhadap tertuduh pertama dan tertuduh kedua, dan pembelaan mereka berdua seharusnya tidak dipanggil, dan tertuduh pertama dan tertuduh kedua dibebaskan dan dilepaskan.

Penghujahan Pihak Pendakwaan

D

Beban Bukti Di Akhir Kes Pendakwaan

[97] Pihak pendakwaan merujuk kepada s. 180(1) Kanun Tatacara Jenayah yang menyatakan bahawa apabila kes
E pendakwaan berakhir, mahkamah hendaklah mempertimbangkan sama ada pihak pendakwaan dapat mengemukakan kes *prima facie* terhadap tertuduh dan kes *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85 disebut untuk menunjukkan bagaimana mahkamah boleh menentukan suatu kes *prima facie*.

F *Intipati Kesalahan*

[98] Seksyen 3(1) Akta Penculikan 1961 (Akta 365) berbunyi:

> Whoever, with intent to hold any person for ransom, abducts or
G wrongfully confines or wrongfully restrains such person shall be guilty of an offence and shall be punished on conviction with death or imprisonment for life and shall, if he is not sentenced to death, also be liable to whipping.

[99] Pihak pendakwaan menghujahkan bahawa intipati kesalahan
H yang dinyatakan dalam s. 3 Akta 365 dan niat bersama di bawah s. 34 Kanun Keseksaan dipenuhi oleh pendakwaan dalam pertuduhan terhadap tertuduh pertama dan tertuduh kedua.

I

Identiti Tertuduh Pertama

[100] Timbalan pendakwaraya yang bijaksana berhujah bahawa keterangan SP14 iaitu mangsa penculikan, menunjukkan sejak dia diculik sehingga dia dibebaskan, hanya satu lelaki Cina tempatan berdasarkan loghat Bahasa Mandarin yang dia cakap dan hanya satu perempuan Cina warganegara China berpandu kepada loghat Mandarin yang dia cakap yang terlibat dalam kes penculikan SP14.

[101] SP14 memberi keterangan bahawa lelaki Cina dengan suara yang sama yang menculiknya dan memandu kereta, membawa dia makanan dan membawa dia ke tandas dan akhirnya membebaskannya.

Keterangan Mengikut Keadaan

Toyota Unser PEP 6108

[102] DNA (deoxyribonucleic acid) kepunyaan tertuduh pertama dijumpai dalam kereta Toyota Unser PEP 6108 dan tiada DNA orang lain dijumpai.

[103] Kunci kereta tersebut dijumpai dalam milik tertuduh pertama ketika serbuan dilakukan oleh SP10 dan pasukan serbuannya di First World Hotel di Genting Highlands dan kereta PEP 6108 didaftarkan atas nama tertuduh Lai Khan Nei.

[104] SP22 dan SP15 sungguh pun tidak tahu jenis model kenderaan yang dipandu oleh tertuduh pertama, namun begitu mereka berdua dapat mengecamkan ciri-ciri spesifik kereta seperti 'purple sticker' dan sebahagian kereta berwarna silver.

[105] Saksi pendakwaan Lim Boon Peng (SP9) seorang pekerja dari Kedai MTE Modern Tyre Sdn Bhd yang terletak di Air Itam, Pulau Pinang, mengesahkan tertuduh pertama Lai Khan Nei datang ke kedai majikan dengan memandu Toyota Unser No. PEP 6108 untuk menukar dua tayar baru dan minyak enjin selepas mangsa (SP14) telah dibebaskan dalam tempoh masa sepuluh sehingga 11 jam.

Rampasan Wang Di Genting Highlands

[106] Sebahagian wang yang dirampas oleh SP10 dari bilik hotel di Genting Highlands, di mana kedua-dua tertuduh menginap, menunjukkan sebahagian wang itu sepadan dengan nombor siri wang kertas tunai yang dicatatkan oleh keluarga mangsa dan Sjn. Saw Boon Chuan (SP18).

Rampasan Wang Dari Rumah Sewa Tertuduh Pertama

[107] Kunci rumah No. 22A, Lorong Seri Arowana 9, Taman Seri Arowana, Seberang Perai Tengah, dijumpai dalam milikan tertuduh pertama di bilik hotel di Genting Highlands dan dia yang membawa SP24 dan anggota polisnya ke rumah itu di mana tertuduh pertama sendiri menggunakan kunci itu yang dirampas oleh SP10 untuk membuka pintu rumah. Dalam rumah, tertuduh pertama yang menunjukkan beg yang mengandungi sebahagian wang tebusan disembunyikan di atas siling di dalam bilik air rumah itu.

Seksyen 6 Akta Keterangan 1950

[108] Lelaki Cina yang menculik SP14 memberitahu SP14 selepas dia telah menerima wang tebusan bahawa dia akan pergi ke luar negara yang sebenarnya adalah tertuduh pertama Lai Khan Nei. Ini disebabkan dalam masa beberapa jam sahaja, tertuduh pertama membeli dua tiket penerbangan untuk pergi dan balik ke Macau dari travel agent di Sin Pen Travel Sdn Bhd dengan wang tunai.

[109] Timbalan pendakwa raya yang bijaksana menyebut kes *Kong Hong Lai v. PP* [2010] 1 LNS 982 bagi menyokong hujahnya mengenai pemakaian s. 6 Akta Keterangan 1950 bahawa perkataan tertuduh pertama dia ingin pergi ke seberang laut adalah boleh diterima sebagai *res gestate.*

Seksyen 27 Akta Keterangan 1950

[110] Peruntukan s. 27 Akta Keterangan 1950 terpakai tentang maklumat yang diberikan oleh tertuduh pertama ekoran daripada soal siasat oleh SP24 dan maklumat tersebut membawa SP24 menjumpai sebahagian wang tebusan yang disembunyikan atas siling di bilik air rumah di Taman Arowana.

[111] Pihak pendakwaan menyebut kes *PP v. Chong Soon Wah* [2008] 9 CLJ 153; *Wai Chan Leong v. PP* [1989] 2 CLJ 1168; [1989] 1 CLJ (Rep) 171; *Amathevelli P Ramasamy v. PP* [2009] 3 CLJ 109; *Chandrasekaran & Ors v. PP* [1970] 1 LNS 11; [1971] 1 MLJ 153; *Goi Ching Ang v. PP* [1999] 1 CLJ 829; [1999] 1 MLJ 507 dan *Mohd Ya'cob Demyati v. PP* [2011] 4 CLJ 758 bagi menyokong hujahnya bahawa maklumat yang diberikan oleh tertuduh pertama boleh diterima.

Pengetahuan

[112] Ekoran daripada pemakaian peruntukan s. 27 Akta Keterangan 1950, maklumat yang diberikan oleh tertuduh pertama kepada SP24 juga menunjukkan tertuduh pertama tahu tentang sebahagian wang tebusan yang dijumpai dalam beg yang disorokkan di atas siling dalam bilik air di rumah yang disewanya beralamat di Taman Seri Arowana.

Niat Bersama

[113] Keterangan SP22, SP15 dan SP14 menunjukkan kedua-dua tertuduh mempunyai niat bersama untuk melakukan kesalahan. Tertuduh kedua dilihat ada di belakang kereta Toyota Unser No. PEP 6108 yang kemudian dicamkan oleh mangsa penculikan iaitu SP14 dan tertuduh kedua yang menutup mata SP14 dengan kapas.

[114] Keterangan circumstantial yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan menunjukkan tertuduh pertama adalah lelaki Cina bersama dengan tertuduh kedua yang terlibat dalam penculikan SP14 di bawah s. 34 Kanun Keseksaan melakukan kesalahan.

Identiti Tertuduh Kedua

[115] SP14 dapat mengecamkan tertuduh kedua Gao Bingju di dalam bilik di mana dia dikurung di rumah di Taman Arowana sebab ketika itu tertuduh kedua tidak memakai 'mask'.

Kawad Cam

[116] Tidak ada kawad cam yang dibuat bagi SP14 mengecamkan tertuduh kedua tidak fatal kepada kes pendakwaan dan kes *Amitsingh v. State of Maharastra & Anor* (Crl) 13 of 2007 dan *Lal Baby Rai & Ors v. State of Bihar* pada 1 July 2011 yang menyatakan:

> It is trite to say that the substantive evidence is the evidence of identification in Court ... under section 9 of the Evidence Act.

Seksyen 114(g) Akta Keterangan 1950

[117] Liu Li dan Zhou Dong Mei tidak terlibat dalam kes penculikan dan bukan saksi yang penting dan oleh itu ketidakhadiran mereka di mahkamah tidak menjejaskan kes pendakwaan, kedua-dua mereka telah pulang ke negara China dan mereka berdua tidak ada bersama semasa kedua-dua tertuduh ditangkap.

A **[118]** Timbalan pendakwa raya yang bijaksana berhujah bahawa berdasarkan keterangan yang dikemukakan oleh pendakwaan khususnya keterangan circumstantial, ia berjaya mewujudkan kes *prima facie* terhadap kedua-dua tertuduh dan justeru pembelaan mereka berdua seharusnya dipanggil.

B

Mahkamah

Penemuan – Akhir Kes Pendakwaan

[119] Pada penutupan kes pendakwaan, mahkamah berpandu C kepada s. 180(1), (2), (3) dan (4) Kanun Tatacara Jenayah untuk menentukan sama ada pihak pendakwaan dapat mengemukakan suatu kes *prima facie* terhadap kedua-dua tertuduh.

[120] Seksyen 180(4) berbunyi:

D

> For the purpose of this section, a *prima facie* case is made out against the accused where the prosecution has adduced credible evidence proving each ingredient of the offence which if unrebutted or unexplained would warrant a conviction.

E *Nas Yang Menyatakan Prinsip Bagaimana Menentukan Kes Prima Facie*

[121] Dalam kes *Looi Kow Chai & Anor v. PP* [2003] 1 CLJ 734; [2003] 2 MLJ 65, Mahkamah Rayuan memutuskan:

F

> The correct test to be applied in determining whether a *prima facie* case had been made out under s. 180 of the Criminal Procedure Code was that as encapsulated in the judgment of Hashim Yeob Sani FJ (as he then was) in *Dato Mokhtar bin Hashim & Anor v. PP* [1983] 2 MLJ 232. Therefore, a judge sitting alone under s. 180 of the CPC must subject the prosecution evidence to G maximum evaluation and to ask himself the question 'If I decide to call upon the accused to enter his defence and he elects to remain silent, am I prepared to convict him on the totality of the evidence contained in the prosecution case?' If the answer was in the negative, then no *prima facie* case had been made out and the H accused would be entitled to an acquittal.

[122] Mahkamah Persekutuan dalam kes *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85 (FC) menyatakan:

> The test at the end of the prosecution case is that "Is the I evidence sufficient to convict the accused if he chooses to remain silent?" If an affirmative answer is there, then a *prima facie* case has been made out and in doing so, the trial court must necessitate a consideration of any reasonable doubt existing in the prosecution case. If there is any such doubt, no *prima facie* case.

[123] Dalam kes *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457, Mahkamah Persekutuan memutuskan: A

> Whether a *prima facie* case has been established at the close of the case for the prosecution, the trial court is required to carry out a maximum evaluation of the prosecution evidence in order to determine whether to call for the defence of the accused or not. B
>
> The process involves an assessment of the credibility of the prosecution witnesses and the drawing of inferences admitted by the prosecution evidence. If the evidence for the prosecution admits two or more inferences, one of which is in the accused's favour, then the court's duty is to select the inference that is favourable to the accused. C

[124] Mahkamah Persekutuan dalam kes *Lee Kwan Woh v. PP* [2009] 5 CLJ 631; [2010] 2 AMR 231 memutuskan: D

> What was required of the learned trial judge at the close of the prosecution case was to undertake a maximum or positive evaluation of all the evidence tendered at that stage.

Isu-isu E

[125] (1) Sama ada intipati kesalahan di bawah s. 3(1) Akta Penculikan 1961 (Akta 365) dapat dibuktikan oleh pihak pendakwaan?

(2) Sama ada identiti tertuduh pertama Lai Khan Nei dan tertuduh kedua Gao Bingju dapat dibuktikan oleh saksi-saksi pendakwaan? F

(3) Sama ada orang lain selain daripada kedua-dua tertuduh ada terlibat dalam penculikan Lim Yee Khang (SP14) iaitu mangsa penculikan? G

Kebolehpercayaan Saksi-saksi

[126] Mahkamah tidak meragui kredibiliti saksi-saksi pendakwaan khususnya mangsa penculikan Lim Yee Khang dan ibunya Ng Soot Goh (SP13) oleh kerana kesemua mereka langsung tidak kenal kedua-dua tertuduh sebelum penangkapan mereka berdua, sebab tidak ada keterangan dikemukakan bahawa kewujudan permusuhan di antara mana-mana saksi pendakwaan dan kedua-dua tertuduh. H I

A **[127]** Mahkamah juga tidak meragui isi kandungan dan kesahihan keterangan dokumen yang dikemukakan oleh pendakwaan sebab ia padan dengan keterangan pada keseluruhan saksi pendakwaan.

Intipati Kesalahan

B **[128]** Seksyen 3(1) Akta 365 berbunyi:

> Whoever, with intent to hold any person for ransom, abducts or wrongfully confines or wrongfully restrains such person shall be guilty of an offence and shall be punished on conviction with
C death or imprisonment for life and shall, if he is not sentenced to death, also be liable to whipping.

[129] Keterangan SP22, SP15, SP13 dan SP14, menunjukkan bahawa lelaki Cina yang cakap bahasa Mandarin dengan 'accent' tempatan yang menculik mangsa (SP14) sebenarnya adalah
D tertuduh pertama bersama dengan tertuduh kedua (inferens mahkamah yang dibuat tentang soal identiti mereka berdua oleh mahkamah akan dibincangkan kemudian) mempunyai niat bersama untuk "abducted" dan "wrongfully confined" SP14 untuk wang tebusan.

E *Niat (Intent)*

[130] Sebaik sahaja Lim Yee Khang (SP14) telah diculik pada 19 Disember 2009 jam lebih kurang 5.30 petang dan sebelum
F Ng Soot Goh (SP13) iaitu ibu mangsa hendak pergi ke balai polis membuat laporan polis, SP13 menerima SMS daripada telefon bimbit penculik No. 016-4929021 ke nombor telefon bimbit SP13 iaitu 012-4942889 di mana SP14 memberi keterangan bahawa lelaki Cina itu yang menculiknya bertanya dia tentang nombor
G telefon bimbit ibunya. Menurut SP13, "Sebelum dalam perjalanan ke balai, saya terima SMS dari penculik yang beritahu saya anak saya dalam tangannya dan dia mahu RM400,000 sebagai tebusan dan suruh saya jangan pergi ke balai polis untuk buat laporan polis."

H **[131]** Menurut L/Kpl Mohamad Kasim bin Mahiddin (SP7) pada 19 Disember 2009 jam lebih kurang 6.15 petang semasa dia bertugas di Pejabat Pertanyaan di Balai Polis Bukit Mertajam, Pulau Pinang, SP13 datang memberitahu anaknya diculik.

I

[132] Tempoh di antara 5.30 petang dan 6.15 petang ialah 45 minit dan ini bermakna tidak lama kemudian selepas SP14 diculik, penculik menunjukkan niatnya 'to hold any person (dalam kes ini SP14) for ransom' dengan menghantar SMS tersebut kepada ibu SP14.

[133] Selepas itu sebanyak tujuh SMS tidak mengambil kira lagi beberapa panggilan telefon kepada SP13 telah dibuat oleh penculik sehingga SP14 dibebaskan oleh tertuduh pertama pada malam 21 Disember 2009, kesemua ini membuktikan niat sedemikian oleh pendakwaan.

For Ransom

[134] Mahkamah mendapati pihak pendakwaan juga membuktikan intipati 'for ransom' dengan keterangan SP13 yang menyediakan wang tebusan sebanyak RM200,000 selepas ia dikurangkan daripada RM400,000 yang diminta oleh tertuduh pertama. Sejumlah RM10,000 daripada wang tebusan yang dirampas dari rumah No. 22A, Lorong Seri Arowana 9, Taman Seri Arowana, Seberang Jaya (eks. P112, search list) di mana tertuduh pertama menyewa membuktikan elemen ini sebab nombor siri wang ini yang dirampas sepadan dengan nombor siri wang yang telah dicatatkan sebelum wang tebusan diserahkan.

[135] Mahkamah mendapati peruntukan s. 27 Akta Keterangan 1950 terpakai.

Abducts

[136] Keterangan yang diberikan oleh SP22, Sudiyah, iaitu orang gaji SP13 dan kakak Lim Hui Xing (SP15) membuktikan intipati 'abduction' ke atas SP14 yang dilakukan oleh tertuduh pertama pada 19 Disember 2009 di hadapan rumah mangsa (SP14).

Wrongful Confinement

[137] Keterangan Lim Yee Khan yang berumur sembilan tahun (SP14) semasa dia diculik membuktikan elemen kesalahan ini, apabila SP14 menceritakan dia telah dikurung dalam sebuah bilik pada ingatannya dua malam di rumah yang kemudian didapati terletak di No. 22A, Lorong Seri Arowana 9, Taman Seri Arowana, Seberang Jaya.

[138] Incidentally, the court observes that the charge (exh. P2) states "Bahawa kamu bersama-sama ... menahan satu kanak-kanak lelaki bernama ... dengan cara melarikan dan menghalang secara salah ... dibaca bersama dengan s. 34 Kanun Keseksaan."

[139] Sungguhpun pada peringkat kes ini pembelaan tidak membangitkan ketepatan aspek pertuduhan ini sebagai isu yang mana mahkamah berpendapat "mengurung secara salah" atau "wrongfully confines" adalah lebih tepat selaras dengan keterangan yang diberikan oleh mangsa penculikan (SP14), namun begitu, pada pandangan mahkamah ia masih boleh diperbetulkan di bawah s. 422 Kanun Tatacara Jenayah, dan "error" atau "irregularity" tersebut dalam P2 tidak "occasioned a failure of justice" kepada kedua-dua tertuduh.

[140] Ini disebabkan berpandu kepada *Compact Oxford English Dictionary for University and College Students*, erti kedua-dua perkataan iaitu "restrains" dan "confines" pada asasnya adalah sama. Menurut kamus ini perkataan "restrains" bermakna "keep someone or something under control or within limits," dan perkataan "confines" ialah "keep someone or something within certain limits of space, scope or time."

Identiti Tertuduh Pertama Dan Tertuduh Kedua

Tertuduh Pertama

[141] Sungguhpun SP14 mengatakan bahawa dia tidak dapat mengecamkan tertuduh pertama sebab setiap kali bila dia mendapat peluang untuk melihatnya, tertuduh pertama bertopeng, walau bagaimanapun, SP14 memberi keterangan bahawa sepanjang masa dia diculik dan dikurung, hanya terdapat seorang lelaki Cina dan seorang perempuan Cina yang cakap Bahasa Mandarin dengan 'accent' Mandarin negara China dan tiada orang lain.

[142] Keterangannya disokong oleh orang gaji SP13 iaitu Sudiyah (SP22), SP13 dan SP15 yang hanya melihat seorang lelaki menculik SP14. SP13 mengatakan bahawa semasa dia bercakap beberapa kali melalui telefon dengan lelaki Cina dalam Bahasa Mandarin, suara lelaki itu adalah sama setiap kali. SP15 mengatakan:

TPR: Siapa yang tangkap adik awak?

SP15: Saya hanya tahu seorang lelaki.

[143] SP9 memberi keterangan bahawa pada 22 Disember 2009 tertuduh pertama seorang diri datang ke kedai tayar majikannya untuk menukar dua tayar baru dan minyak enjin dan membayar dengan wang tunai sebanyak RM607.

[144] SP10 menyokong keterangan SP14 bahawa dia hanya menangkap tertuduh pertama dan tertuduh kedua dan tiada orang lain di First World Hotel di Genting Highlands.

[145] SP14 memberi keterangan bahawa sebelum dia dibawa keluar dari rumah di mana dia dikurung, lelaki Cina itu bercakap kepada dia bahawa dia akan membebaskan SP14 untuk balik ke rumah kerana ibunya telah memberi wang tebusan dan dengan wang tebusan itu dia akan ke luar negara.

[146] Lebih-lebih lagi SP14 mengatakan pada hari 19 Disember 2009 selepas dia diculik dan dibawa untuk dikurung dalam bilik di rumah di Taman Seri Arowana, orang lelaki Cina itu ada bertanyanya mengenai nombor telefon bimbit ibunya dan SP14 ada memberi nombor telefon SP13 iaitu 012-4942889 di mana kemudian penculik menghubungi SP13 melalui nombor tersebut. Nombor telefon tersebut menjadi pengantaraan penculik, SP14 dan SP13 di mana mahkamah membuat inferens bahawa lelaki yang menghantar beberapa SMS dan panggilan telefon kepada SP13, pada hakikatnya adalah tertuduh pertama Lai Khan Nei.

[147] Keterangan Chang Lih Ling (SP20) iaitu travel agent di Sin Pen Travel Sdn Bhd memberi keterangan bahawa pada 22 Disember 2009 (iaitu setelah tertuduh pertama mengambil wang tebusan pada 21 Disember 2009) tertuduh pertama seorang diri datang ke tempat kerjanya dan membeli dua tiket penerbangan pergi dan balik dari Pulau Pinang ke Macau (eks. P100) dengan pembayaran wang tunai sebanyak RM1,226 untuk dia sendiri dan Gao Bingju (tertuduh kedua).

[148] Mahkamah membuat inferens berdasarkan keterangan SP20, SP13, SP22, SP15, SP10 dan SP9 bahawa orang lelaki Cina yang menculik SP14 yang sebenarnya adalah tertuduh pertama Lai Khan Nei dan tiada lelaki Cina lain yang terlibat menculik SP14.

[149] Wang tebusan yang dirampas dari rumah yang disewa oleh tertuduh pertama di Taman Seri Arowana juga memperkukuhkan inferens mahkamah tentang identiti tertuduh pertama kerana tiada lelaki Cina lain yang tinggal di rumah itu melainkan tertuduh pertama dan tertuduh kedua.

[150] Setelah wang tebusan diberikan dan SP14 dibebaskan, SP13 tidak lagi menerima SMS atau panggilan telefon ke nombor telefon bimbitnya iaitu No. 012-4942889. Tertuduh pertama mendapatkan nombor telefon bimbit ini daripada SP14. Ini memperkukuhkan identiti tertuduh pertama.

Identiti Tertuduh Kedua

[151] Identiti tertuduh kedua Gao Bingju tidak dapat diragui oleh mahkamah kerana SP14 dengan jelas memberi keterangan bahawa dia dapat peluang melihat muka tertuduh kedua yang duduk sangat dekat dengannya di dalam bilik yang dia dikurung selama lima minit sehingga lapan minit. Keterangannya disokong oleh keterangan SP15, SP10 dan SP24 bahawa hanya terdapat seorang perempuan Cina warganegara China yang bersubahat dengan tertuduh pertama dengan niat bersama untuk menculik SP14.

Isu Penglibatan Orang Lain

[152] Keterangan pegawai penyiasat (SP24) dan saksi awam Tang Kia Hong (SP26) menunjukkan bahawa SP26 sendiri, teman perempuannya iaitu seorang perempuan Cina warganegara China bernama Zhou Dong Mei, tiga perempuan Cina lain juga dari negara China bernama Liu Li, Lan Nan dan Lin Tang masing-masing tidak terlibat bersangkut dengan penculikan SP14.

[153] SP26 menceritakan bahawa pada bulan Disember 2009, Zhou Dong Mei tidak tinggal di rumah No. 22A, Lorong Seri Arowana 9, Taman Seri Arowana, Seberang Jaya dan dia tidak mempunyai kenderaan jenis 'Pajero'.

[154] SP24 mengatakan SP26, Zhou Dong Mei dan Liu Li tidak terlibat dalam penculikan SP14 dan keterangan SP14 dan SP10 mengesahkan hakikat ini.

[155] Sungguhpun telefon bimbit No. 016-4929021 dan No. 016-4340865 didaftarkan atas nama Lan Nan dan Lin Tang masing-masing, dua perempuan Cina dari negara China, ia tidak semestinya digunakan oleh mereka berdua untuk membuat panggilan telefon kepada SP13 semasa melakukan kesalahan ini oleh kerana pengunaannya tentulah akan membuat pihak polis mengesan mereka. Seseorang yang siuman tidak akan menggunakan nombor telefon sendiri bagi melakukan kesalahan sebab tentulah ia akan membawa padah kepada diri sendiri.

[156] SP24 ada memberi keterangan bahawa seorang agen dari China telah membeli banyak simkad termasuk simkad yang mempunyai nombor 016-4929021 dan 016-4340865 tersebut daripada seorang lelaki Cina tempatan dipanggil "Lim" di sini dan oleh itu adalah sukar untuk mengesan pembeli dua sim kad tersebut.

[157] Walau bagaimanapun, mahkamah membuat inferens bahawa yang sebenarnya tertuduh pertama menggunakan dua nombor telefon bimbit yang telah didaftarkan atas nama Lan Nan dan Lin Tang masing-masing untuk menyembunyikan identitinya bagi melakukan kesalahan menculik SP14. The cunning of the first accused can be seen when he wore haze mask, cap and sunglass to abduct the victim and blind folded the victim.

Niat Bersama

[158] Mahkamah mendapati pihak pendakwaan juga dapat membuktikan niat bersama (common intention di bawah s. 34 Kanun Keseksaan) terhadap kedua-dua tertuduh untuk menculik mangsa berdasarkan keterangan saksi-saksi pendakwaan, khususnya SP14, yang menunjukkan tertuduh pertama dan tertuduh kedua telahpun merancangkan terdahulu.

[159] *Mahbub Shah v. Emperor* [1945] AIR PC 118 yang menyatakan:

> Common intention within the meaning of s. 34 implies a pre-arranged plan. To convict the accused of an offence applying s. 34 it should be proved that the criminal act was done in concert pursuant to the pre-arranged plan. It is no doubt difficult if not impossible to procure direct evidence to prove the intention of an individual; it has to be inferred from his act or conduct or other relevant circumstances of the case.

[160] Oleh yang demikian setelah mahkamah membuat 'maximum evaluation' ke atas keterangan pada keseluruhannya yang dikemukakan oleh saksi-saksi pendakwaan, ia mendapati pihak pendakwaan dapat mengemukakan kes *prima facie* terhadap kedua-dua tertuduh dan memanggil tertuduh pertama dan tertuduh kedua untuk membela diri masing-masing.

A **Pembelaan**

Tertuduh Pertama

[161] Tertuduh pertama Lai Khan Nei memberi keterangan dari kandang saksi bahawa dia sudah berkahwin dan mempunyai dua orang anak berumur sepuluh dan lapan tahun masing-masing hasil daripada perkahwinan ini tetapi kini telah bercerai.

[162] Tertuduh pertama menceritakan bahawa pada 18 Disember 2009 jam lebih kurang 3 petang, dia pergi ke rumah No. 22A, Lorong Seri Arowana 9, Taman Seri Arowana, di Seberang Jaya, yang disewa olehnya daripada Lim Bee Nah untuk berjumpa teman wanitanya iaitu Gao Bingju, tertuduh kedua. Di premis itu, dia ada berbual-bual dengan Liu Li dan Zhou Dong Mei yang tertuduh pertama kenal lebih kurang dua bulan di mana mereka berdua menyewa duduk di sana.

[163] Tertuduh pertama mengatakan sungguh pun dia menyewa rumah itu kepada dua perempuan Cina itu, dia juga menyewa ia bagi menambahkan pendapatannya.

[164] Selepas itu, pada hari yang sama tertuduh pertama membawa tertuduh kedua Gao Bingju ke rumah emak saudara tertuduh pertama di Bukit Gambir, Pulau Pinang bagi menyambut hari jadi anaknya pada 20 Disember 2009, sehari awal daripada hari jadi anaknya. Pada keesokan harinya iaitu 19 Disember 2009 jam lebih kurang 9 pagi sehingga 10 pagi, bekas isteri membawa dua orang anaknya ke rumah emak saudaranya di Bukit Gambir di mana kedua-dua tertuduh, kakak tertuduh pertama bernama Lai Han Nee (SD3), emak saudara tertuduh pertama bernama Quah Lei See (SD 4) melayan kedua-dua anak tertuduh pertama.

[165] Pada 20 Disember 2009 tertuduh pertama, dua orang anaknya, tertuduh kedua dan SD4 pergi ke gerai nasi ayam kawan tertuduh bernama Teh Kean Wah yang terletak di Pasar Batu Lanchang dengan kenderaan tertuduh pertama jenis Toyota Unser No. PEP 6108 untuk makan nasi ayam dan tertuduh pertama memberitahu kawannya dia akan menyambut hari jadi anak sulungnya pada 21 Disember 2009.

[166] Selepas menyambut hari jadi anak sulungnya pada 21 Disember 2009 pada jam lebih kurang 12 sehingga 1 petang, bekas isteri tertuduh pertama datang ke rumah emak saudaranya untuk mengambil balik kedua-dua anaknya.

[167] Pada 22 Disember 2009 jam lebih kurang 4 petang, tertuduh pertama dan tertuduh kedua bertolak ke Cameron Highlands dari rumah SD4 dengan Toyota Unser PEP No. 6108 dan bermalam di situ dan pada 23 Disember 2009 mereka berdua pergi ke Genting Highlands untuk bermalam di situ.

[168] Tertuduh pertama mengatakan pada 25 Disember 2009, jam lebih kurang 3 pagi sehingga 4 pagi dia mendengar pintu bilik hotelnya diketuk oleh orang, dan apabila bila dia membuka pintu, dia ditendang oleh orang dan kepalanya ditutup dengan kain. Orang yang masuk ke dalam bilik kemudian memperkenalkan diri sebagai polis dan menggarikan tangan tertuduh pertama dan bertanyanya di mana keretanya. Tertuduh pertama memberitahu pihak polis tempat letak keretanya iaitu Toyota Unser PEP 6108 dan polis mengambil kunci kereta untuk pergi mencari ia.

[169] Selepas polis menjumpai kereta tersebut di tempat letak kereta di First World Hotel, Genting Highlands, mereka membawa kedua-dua tertuduh dalam sebuah kereta untuk dibawa balik terus ke Bukit Mertajam.

[170] Sampai di balai polis di Perda, Pulau Pinang, SP24 iaitu pegawai penyiasat membawa kedua-dua tertuduh ke premis di No. 22A, Lorong Seri Arowana 9, Taman Seri Arowana, Seberang Jaya, yang mana tertuduh pertama memberitahu SP24 bahawa dia menyewa premis itu kepada orang lain dan dia duduk di rumah emak saudara di Bukit Gambir, Pulau Pinang.

[171] Di hadapan rumah itu, tertuduh pertama nampak SP24 membuka pintu rumah dengan kunci dan selepas pintu rumah dibuka, SP24 dan dua anggotanya membawa tertuduh pertama naik ke atas tingkat rumah.

[172] Tertuduh pertama melihat SP24 mengambil tangga di dalam bilik tandas dan memanjat ke atas bumbung siling dan membuka sekeping siling dan mengeluarkan dua beg hitam dan menunjukkan beg yang mengandungi ikatan wang kertas RM50 berjumlah RM10,000 selepas dikira di hadapannya dan tertuduh.

Pembelaan Tertuduh Kedua

[173] Tertuduh kedua memberi keterangan bahawa dia kenal tertuduh pertama di karaoke lounge bar pada tahun 2008 semasa dia bekerja di bar tersebut. Dia mula tinggal di rumah No. 22A, Lorong Seri Arowana 9, di Taman Seri Arowana, Seberang Jaya,

pada Jun 2009, dan pada bulan Disember 2009 dia tinggal bersama dengan Liu Li dan Zhou Dong Mei, dua perempuan yang berasal dari negara China.

[174] Tertuduh kedua memberi keterangan bahawa pada 18 Disember 2009 teman lelakinya iaitu tertuduh pertama membawanya ke rumah 'aunty' tertuduh pertama di Pulau Pinang kerana tertuduh pertama hendak menyambut hari jadi anaknya pada 20 Disember 2009.

[175] Setelah menyambut hari jadi anak tertuduh pertama, pada 22 Disember 2009 tertuduh pertama mengambil komisyen sebanyak RM6,000 daripada kawan tertuduh kedua bernama Liu Li di Pacific Mall di Butterworth, sebab tertuduh pertama memperkenalkan kerja kepada Liu Li dan Zhou Dong Mei.

[176] Selepas tertuduh pertama menerima komisyen daripada Liu Li, tertuduh pertama dan tertuduh kedua bertolak ke Genting Highlands dan tinggal di situ dua malam dan pada 25 Disember 2009 waktu malam, tertuduh kedua mendengar orang mengetuk pintu bilik, tertuduh pertama bangun untuk membuka pintu dan setelah pintu dibuka, ramai orang masuk dan mereka terus menggari tangan tertuduh pertama.

[178] Lai Han Nee (SD3) iaitu kakak kepada tertuduh pertama pada asasnya memberi keterangan untuk menyokong keterangan kedua-dua tertuduh bahawa pada 19 Disember 2009 kedua-dua anak tertuduh ada di rumah SD4 bersama dengan abangnya (tertuduh pertama) dan teman wanitanya Gao Bingju. Quah Lean See (SD4) iaitu emak saudara tertuduh pertama, juga memberi keterangan pada asasnya bagi menyokong keterangan tertuduh pertama bahawa pada 20 Disember 2009 tertuduh pertama, dua orang anaknya, bersama dengan tertuduh kedua ada di rumahnya di Jade View, di Bukit Gambir, Pulau Pinang, untuk membuat persiapan bagi menyambut hari jadi anaknya dan pada jam kira-kira 11 pagi. Pada jam 11 pagi, hari yang sama, mereka keluar makan nasi ayam di Pasar Baru, Batu Lanchang dan selepas itu, mereka pergi membeli kek dan hadiah untuk meraikan hari jadi anak sulung tertuduh pertama.

[179] Pada keesokan harinya iaitu 21 Disember 2009 tertuduh pertama pergi ke rumah SD4 di Jade View, untuk meminjam sebuah motosikal No. PEV 2634.

[180] Setelah SD4 selesai memberi keterangan, pihak pembelaan memberitahu mahkamah ia menutup kesnya.

Di Akhir Kes Pembelaan

Hujah Kedua-dua Tertuduh

Pertuduhan

[181] Peguambela yang bijaksana berhujah bahawa pertuduhan bersangkut dengan kesalahan ini yang dikemukakan terhadap tertuduh pertama dan tertuduh kedua telah memprejudiskan mereka berdua kerana 'kabur' (vague) dan tidak sah, sebab sukar bagi mereka memahami apakah yang sebenarnya kandungan pertuduhan untuk menyediakan pembelaan kedua-dua tertuduh.

Pendapatan Tertuduh Pertama

[182] Tertuduh pertama mempunyai pendapatan mencukupi dengan bekerja sebagai jurujual barang kimia dengan pendapatan RM3,000 sehingga RM5,000 sebulan dan menambahkan pendapatannya dengan menyewa rumah di Taman Seri Arowana yang dia menyewa daripada Lim Bee Nah, pemilik rumah itu, kepada pekerja Guests Relation Officers (GRO) iaitu perempuan warga China dengan RM400 sebulan dan tertuduh kedua iaitu teman wanitanya, juga tinggal di rumah itu.

[183] Pada 22 Disember 2009 sebelum pergi ke Genting Highlands, tertuduh pertama menerima RM6,000 daripada Liu Li sebagai komisyennya bagi mendapatkan kerja bagi dua perempuan GRO yang menyewa rumah di Taman Seri Arowana.

Kedua-dua Tertuduh Berada di Pulau Pinang

[184] Pada 18 Disember 2009, tertuduh pertama dan tertuduh kedua berada di No. 310-10-07 di Taman Jade View, Bukit Gambir, Pulau Pinang.

[185] Pada 19 Disember 2009 jam 9 sehingga 10 pagi, bekas isterinya membawa kedua-dua anaknya ke rumah emak saudara ('aunty') di Taman Jade View. Pada hari yang sama, jam lebih kurang 6 petang sehingga 7 petang, tertuduh pertama, dua orang anaknya, tertuduh kedua, 'aunty' (SD4) berada di Jade View.

[186] Pada 20 Disember 2009, tertuduh pertama, dua orang anaknya, tertuduh kedua, dan SD4, makan nasi ayam di pasar Batu Lanchang dan selepas itu, tertuduh pertama dan mereka pergi membeli kek dan hadiah untuk meraikan harijadi anak tertuduh pertama.

[187] Pada 21 Disember 2009, tertuduh pergi kerja dan pada 22 Disember 2009 dia pergi ke kedai tayar di Air Itam, Pulau Pinang, untuk menukar tayar baru untuk kenderaannya dan membeli tiket penerbangan ke Macau bagi dia dan tertuduh kedua dan pada 4.30 petang, tertuduh pertama dan tertuduh kedua bertolak ke Cameron Highlands dan Genting Highlands.

[188] Di Genting Highlands pada malam pertama iaitu 23 Disember 2009, kedua-dua tertuduh berjudi dan menang sejumlah wang. Pada 25 Disember 2009, jam lebih kurang 3 sehingga 4 pagi, kedua-dua tertuduh ditangkap oleh SP10 dan pasukan serbuannya dan mereka dibawa balik ke balai polis di Bukit Mertajam. Di Pulau Pinang, pihak polis membawa kedua-dua tertuduh ke rumah No. 22A, Lorong Arowana 9, Taman Seri Arowana, Seberang Jaya di mana wang sebanyak RM10,000 dijumpai di atas siling bilik air rumah.

[189] Tertuduh kedua memberi keterangan bahawa pada 18 Disember 2009 jam lebih kurang 3 atau 4 petang, tertuduh pertama, iaitu 'boyfriend'nya datang ke rumah No. 22A, Lorong Arowana 9, Taman Seri Arowana, Seberang Jaya, dan membawanya ke rumah 'aunty' (SD4) tertuduh pertama untuk membuat persiapan bagi menyambut harijadi anak tertuduh pertama.

[190] Selepas meraikan harijadi anak tertuduh pertama, pada 21 Disember 2009, kedua-dua tertuduh pergi ke Genting Highlands dan tinggal di bilik hotel di sana selama dua malam dan pada 25 Disember 2009 polis datang ke bilik hotel dan menangkap mereka berdua.

Keterangan SD3 Dan SD4

[191] SD3 dan SD4 memberi keterangan bahawa pada 19 Disember 2009, mereka berdua ada bersama dengan tertuduh pertama, dua orang anak mereka dan tertuduh kedua di rumah SD4 di Taman Jade View di Bukit Gambir apabila bekas isteri tertuduh pertama menghantar kedua-dua orang anak itu ke rumah SD4.

Penculik

[192] Tidak ada bukti bahawa tertuduh pertama menculik SP14 pada 19 Disember 2009 jam kira-kira 5.30 petang. Keterangan saksi pembelaan menunjukkan bahawa pada 19 Disember 2009, kedua-dua tertuduh berada di rumah SD4 di Taman Jade View, Pulau Pinang semasa SP14 diculik tidak dapat dipatahkan oleh pihak pendakwaan.

Kereta Penculik

[193] Penculik menggunakan kenderaan Pajero No ... 756 dan bukan Toyota Unser seperti mana yang didakwa oleh SP13 dan SP15 untuk menculik SP14.

Wang Tebusan RM10,000

[194] Wang tebusan sebanyak RM10,000 yang dirampas dari atas siling di tandas rumah di Taman Seri Arowana tidak boleh dikaitkan dengan tertuduh pertama sebab Liu Li dan Zhou Dong Mei juga tinggal di rumah tersebut. Pemilik rumah No. 22A, Lorong Seri Arowana 9, Taman Seri Arowana, Seberang Jaya, yang bernama Lim Bee Nah juga boleh memberi penjelasan tentang penemuan jumlah wang itu yang dirampas oleh SP24 dari rumahnya sendiri.

[195] Kegagalan pihak pendakwaan untuk memanggil Liu Li, Zhou Dong Mei dan Lim Bee Nah sebagai saksi untuk memberi penjelasan mengenai wang sejumlah RM10,000 di rumah tersebut menimbulkan 'adverse inference' di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terhadap pihak pendakwaan.

Identiti Tertuduh Kedua

[196] Keterangan SP14 bahawa dia dapat melihat muka tertuduh kedua tidak masuk akal kerana seorang penculik tidak akan semudah itu mendedahkan identitinya kepada mangsa dan lagi pun tertuduh kedua memakai cermin mata seperti dapat dilihat di mahkamah.

Bilik Kurung

[197] Mangsa penculikan (SP14) memberi keterangan bercanggah sebab pada mulanya mengatakan dia dikurungkan di sebuah bilik di tingkat atas rumah tersebut yang ada kipas siling tetapi gambar P50 menunjukkan sebuah bilik di bawah rumah itu tidak ada kipas siling.

A Keterangan Circumstantial

[198] Kes pihak pendakwaan bergantung pada keterangan circumstantial dan ia ada tidak mencukupi untuk mengaitkan kedua-dua tertuduh dengan kesalahan.

B **[199]** Oleh yang demikian peguambela yang bijaksana berhujah bahawa berdasarkan keterangan pada keseluruhannya yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, ia gagal membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah terhadap kedua-dua tertuduh dan mereka berdua seharusnya dibebaskan dan dilepaskan.

C

Pihak Pendakwaan

Akhir Kes Pembelaan

D **[200]** Pihak pendakwaan menyebut kes *Mat v. PP* [1963] 1 LNS 82; [1963] MLJ 263 dan *PP v. Saimin & Ors* [1971] 2 MLJ 16 bagaimana mahkamah menentukan sama ada pembelaan dapat menimbulkan keraguan yang munasabah dalam kes pendakwaan.

Alibi

E **[201]** Keterangan kedua-dua tertuduh ialah bahawa mereka berdua tidak berada di tempat kejadian di Taman Gemilang Ria, Bukit Mertajam, dan tidak berada di rumah di mana mangsa (SP14) dikurung di rumah yang disewa oleh tertuduh pertama di F Taman Seri Arowana dan kedua-dua tertuduh tidak menculik SP14 dan tidak mengugut untuk wang tebusan dan tidak menerima wang tebusan RM200,000 tersebut kerana pada setiap waktu yang berkenaan mereka berdua berada di rumah SD4 di Taman Jade View, Bukit Gambir, Pulau Pinang.

G **[202]** Timbalan pendakwa raya yang bijaksana berhujah bahawa di bawah s. 402A Kanun Tatacara Jenayah, tertuduh hendaklah memberi suatu notis bertulis untuk memaklumkan pihak pendakwaan mengenai pembelaan alibi tertuduh, supaya pendakwaan diberikan masa yang munasabah untuk menyiasat alibi H tersebut sebelum keterangan boleh dikemukakan.

[203] Memandangkan ketiadaan notis alibi, mahkamah hendaklah menolak keterangan kedua-dua tertuduh, SD3 dan SD4 sebab keperluan notis menjadi pra syarat penerimaan keterangan mereka. I Beliau menyebut kes *PP v. Lim Chen Len* [1981] 1 LNS 11 (SC) dan *Vasan Singh v. PP* [1989] 1 CLJ 166 (Rep) (SC) untuk

menyokong hujahnya bahawa peruntukan s. 402A Kanun Tatacara Jenayah adalah "evidential and not merely procedural, and unless the defence has given at least ten days written notice before the commencement of the trial, no evidence in support of a defence of alibi can be admitted in evidence ..." A

B

Afterthought

[204] Pendakwaan menghujahkan pembelaan kedua-dua tertuduh merupakan pemikiran terkemudian (afterthought) sebab mereka tidak pernah membangkitkan pembelaan ini semasa memeriksa balas saksi-saksi utama pendakwaan bahawa kedua-dua tertuduh berada di Taman Jade View, Bukit Gambir, Pulau Pinang, tertuduh ada menerima wang komisyen sebanyak RM6,000 daripada Liu Li dan tentang satu bilik gelap semasa mereka ditangkap di hotel di Genting Highlands. C

D

[205] Kes *Megat Halim Megat Omar v. PP* [2009] 1 CLJ 154 dipetik oleh pendakwaan bagi menyokong prinsip undang-undang ini:

> ... Although in our criminal jurisprudence, there is no burden on an accused person to prove his innocence but merely for him to raise a reasonable doubt as to his guilt, it is trite that his defence should be put to the prosecution at an early stage during the prosecution case. Failure to do so may move the trial court to dismiss a particular line of defence as an afterthought, or a recent invention as happened in this case. E F

Saksi Berkepentingan

[206] Pendakwaan menghujahkan bahawa SD3 dan SD4 yang merupakan kakak dan emak saudara kepada tertuduh pertama adalah saksi berkepentingan dan mahkamah seharusnya mengambil perhatian was-was. G

[207] Pendakwaan memetik kes *PP v. Foong Chee Cheong* [1969] 1 LNS 128 bagi menyokong hujahnya bahawa terdapat 'cogent reasons' bagi mahkamah tidak mempercayai keterangan SD3 dan SD4 sebab kewujudan perhubungan kekeluargaan di antara tertuduh pertama dan mereka berdua. H

Percanggahan Yang Material

I

[208] Tertuduh pertama memberi keterangan bahawa dia tinggal di rumah SD4 di Taman Jade View tetapi SD4 megatakan dia tinggal di rumah itu berseorangan yang bercanggah dengan keterangan tertuduh pertama.

[209] Tertuduh pertama menyatakan rumah yang dia sewakan di Taman Seri Arowana pada bulan Disember didiami oleh Lui Li dan Zhou Dong Mei tetapi Tang Kia Hong (SP26) iaitu teman lelaki kepada Lui Li memberi keterangan bahawa kedua-dua perempuan warga China tersebut tidak lagi tinggal di rumah itu pada bulan Disember 2009 dan pembelaan tidak mencabar keterangan ini.

[210] Tertuduh pertama mengatakan dia menerima RM6,000 daripada Liu Li sebab mendapatkan kerja bagi Liu Li dan Zhou Dong Mei di Vegas Karaoke adalah tidak munasabah oleh kerana dia mengaku hanya pergi ke karaoke lounge itu sekali, maka macam mana pihak urusan karaoke itu boleh mempercayainya.

[211] Timbalan pendakwa raya yang bijaksana berhujah bahawa tertuduh pertama dan tertuduh kedua gagal menimbulkan keraguan yang munasabah dalam kes pendakwaan berdasarkan keterangan pembelaan mereka berdua dan pihak pendakwaan berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah terhadap kedua-dua tertuduh dan oleh itu mereka berdua seharusnya didapati bersalah dan disabitkan atas kesalahan.

Pada Penutupan Perbicaraan

[212] Pada penutupan perbicaraan, mahkamah berpandu kepada peruntukan s. 182A(1), (2) dan (3) Kanun Tatacara Jenayah yang mana (1) menyatakan:

> At the conclusion of the trial, the Court shall consider all the evidence adduced before it and shall decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt.

Analisis Pembelaan Kedua-dua Tertuduh

Penemuan Mahkamah

[213] Sebagaimana diakui oleh peguambela yang bijaksana, pada tarikh 19 Disember 2009 jam lebih kurang 5.30 petang, kedua-dua tertuduh tidak ada di tempat kejadian di Taman Gemilang Ria di Bukit Mertajam, Seberang Prai Tengah, di mana SP14 telah diculik, kerana mereka berdua berada di rumah SD4 di Taman Jade View, Bukit Gambir, Pulau Pinang, bersiap sedia untuk menyambut hari jadi anak sulung tertuduh pertama.

Seksyen 402A Alibi

[214] Di bawah s. 402A Kanun Tatacara Jenayah, (Criminal Procedure Code [Revised 1999]) Act 593 ia menyatakan:

(1) The court shall, at the time the accused is being charged, inform the accused as to his right to put forward a defence of alibi.

(2) Where the accused seeks to put forward a defence of alibi, he shall put forward a notice of his alibi during the case management process.

(3) Nowithstanding sub-s. (2), where the accused has not put forward a notice of his alibi during the case management process, he may adduce evidence in support of an alibi at any time during the trial subject to the following conditions:

(a) The accused has given a written notice of the alibi to the public prosecutor.

(b) The public prosecutor is given a reasonable time to investigate the alibi before such evidence can be adduced.

(4) The notice required under this section shall include particulars of the place where the accused claims to have been at the time of the commission of the offence with which he is charged, together with the names and address any witness whom he intends to call for the purpose of establishing his alibi.

[215] Tertuduh pertama dan tertuduh kedua di dalam kes ini tidak memberikan suatu notis bertulis kepada pihak pendakwaan dengan menyatakan butir tempat di mana mereka berdua mendakwa berada pada masa kesalahan penculikan dilakukan bersama dengan nama dan alamat mana-mana saksi yang mereka berniat memanggil untuk tujuan menunjukkan alibi.

[216] Syarat memberi notis bertulis tersebut telah diputuskan di dalam kes Mahkamah Persekutuan iaitu *PP v. Lim Chen Len* [1981] 1 LNS 11 yang memutuskan:

> ... Like section 399 (i), the provisions of section 402A (1) are evidential and not merely procedural, and unless the defence has given at least ten days written notice before the commencement of the trial, no evidence in support of a defence of alibi can be admitted in evidence ...

[217] Dalam kes *Vasan Singh v. PP* [1989] 2 CLJ 402; [1989] 1 CLJ (Rep) 166, ia memutuskan:

> In order to establish a defence of alibi it is not sufficient to just state 'I did not do it. I was not there. I was elsewhere.' Because that would be evidence of a bare denial. In order to establish the defence of alibi the Respondent must adduce evidence in support of his alibi.

[218] Memandangkan tiada notis bertulis tersebut yang diberikan kepada pihak pendakwaan, maka berpandu kepada nas yang disebut, mahkamah ini membuat keputusan bahawa keterangan tertuduh pertama, tertuduh kedua, SD3 dan SD4 tidak boleh diterima.

[219] Dengan penolakan keterangan mereka, ini bererti tiadalah keterangan mengenai apa yang tertuduh pertama dan tertuduh kedua lakukan pada tarikh yang material, melainkan sebagaimana yang telah dijelaskan oleh keterangan pendakwaan.

[220] Dalam kes *Ku Lip See v. PP* [1981] 1 LNS 209; [1982] 1 MLJ 194, Mahkamah Persekutuan membuat rujukan kepada nas *Criminal Law Review* yang menyatakan:

> A true alibi defence consists of an affirmative proof of the defendant's presence somewhere other than at the time and place alleged.

Keterangan 'Circumstantial'

[221] Diketepikan soal alibi, jika meneliti keterangan pada keseluruhannya yang dikemukakan terhadap kedua-dua tertuduh oleh pendakwaan, mahkamah mendapati keterangan mengikut keadaan (circumstantial evidence) yang begitu kukuh terhadap mereka berdua, keterangan sedemikian yang 'convincing' dan 'compelling' bagi mengaitkan tertuduh pertama dan tertuduh kedua dengan kesalahan menculik SP14 selaras dengan prinsip undang-undang mengenai circumstantial evidence.

[222] Keterangan tertuduh pertama dan tertuduh kedua dalam pembelaan mereka bahawa mereka berdua tidak melakukan kesalahan menculik SP14 adalah penafian semata-mata oleh kerana terdapat keterangan 'circumstantial' yang begitu meyakinkan dan mencukupi untuk mengaitkan kedua-dua tertuduh dengan kesalahan penculikan ini.

[223] Mahkamah menyedari bahawa apabila kes pihak pendakwaan bergantung pada keterangan mengikut keadaan, ia memikul beban bukti yang berat.

[224] Dalam kes *Chang Kim Siong v. PP* [1967] 1 LNS 18; [1968] 1 MLJ 36 (FC), Mahkamah Persekutuan menyatakan:

> The onus on the prosecution where the evidence is of a circumstantial nature is a very heavy one and that evidence must point irresistably to the conclusion of the guilt of the accused. If there are gaps in it, then it is not sufficient.

[225] Dalam kes *Kartar Singh and Anor v. Rex* [1952] 1 LNS 43; [1952] MLJ 85, Murray-Ansley J menyatakan:

> Where there is direct evidence, however slight, the jury are entitled to accept it and the case should be left to them to decide. In the case of circumstantial evidence the position is different. Here the evidence must be such that, if it is believed, there is no reasonable alternative to the guilt of the accused. If there is anything less than this it is no case at all.

[226] Dalam kes *Idris v. PP* [1960] 1 LNS 40; [1960] MLJ 296, mahkamah menyatakan:

> With regard to the definition of circumstantial evidence I can give you no better definition than quote to you the words of Lord Cairns in the case of *Belhaven & Stenton Peerage* reported in 1875-76 Appeal page 279 -
>
> > My Lords, in dealing with circumstantial evidence we have to consider the weight which is to be given to the united force of all the circumstances put together. You may have a ray of light so feeble that by itself it will do little to elucidate a dark corner. But on the other hand you may have a number of rays, each of them insufficient, but all converging and brought to bear upon the same point, and, when united, producing a body of illumination which will clear away the darkness which you are endeavouring to dispel.
>
> In other words circumstantial evidence consists of this: that when you look at all the surrounding circumstances, you find such a series of undesigned, unexpected circumstances that, as a reasonable person, you find your judgment is compelled to one conclusion. If the circumstantial evidence is such as to fall short of that standard, if it does not satisfy that test, if it leaves gaps, then it is no use at all.

[227] Mahkamah Rayuan dalam kes *Chan Chwen Kong v. PP* [1962] 1 LNS 22; [1962] MLJ 307 memutuskan:

> That evidence was entirely circumstantial and what the criticism of it amounts to is this, that no single piece of that evidence is strong enough to sustain the conviction. That is very true. It must however be borne in mind that in cases like this where the evidence is wholly circumstantial what has to be considered is not only the strength of each individual strand of evidence but also the combined strength of these strands when twisted together to form a rope. The real question is: is that rope strong enough to hang the prisoner?"

[228] Dalam kes *Sunny Ang v. PP* [1965] 1 LNS 171; [1966] 2 MLJ 195 mahkamah mengatakan:

> The second question to which I must draw your attention is that the question in this case, depending as it does on circumstantial evidence, is whether the cumulative effect of all the evidence leads you to the irresistable conclusion that it was the accused who committed this crime, or is there some reasonably possible explanation.

[229] Dalam kes *Karam Singh v. PP* [1967] 1 LNS 65; [1967] 1 MLJ 25, Mahkamah Persekutuan mengatakan:

> In a case where the prosecution relies on circumstantial evidence, such evidence must be inconsistent with any other hypothesis than that of the guilt of the accused.

Keterangan circumstantial seperti berikut:

Kereta Toyota Unser No. PEP 6108

[230] SP15, kakak kepada mangsa (SP14) memberi keterangan tentang jenis kenderaan yang digunakan untuk menculik adik lelakinya:

TPR : Ada apa-apa berlaku pada masa itu?

SP15 : Sebuah kereta datang berhenti dan tangkap adik dan naik ke atas kereta.

TPR : Kereta jenis apa?

SP15 : Kereta besar, berwarna silver pada bahagian atas, warna emas pada bahagian bawah, mempunyai sticker jalur ungu. (eks. gambar P50 No. 22 dan 23 menunjukkan kereta Toyota Unser kepunyaan tertuduh pertama memang mempunyai warna dan corak jalur ungu).

TPR : Sticker ungu ada di mana? A

SP15 : Berada di bahagian warna silver.

TPR : Ada di bahagian mana?

SP15 : Bahagian tepi belakang. B

TPR : Ada awak nampak nombor plate kereta itu?

SP15 : Tidak.

TPR : Adakah awak nampak jenis kereta itu? C

SP15 : Pada mulanya, saya ingat 'Pajero' kerana besar, selepas itu saya nampak adalah 'Unser'.

TPR : Apakah maksud awak ingat kereta 'Pajero?' D

SP15 : Kerana saya ingat semua kereta bersaiz besar adalah 'Pajero'.

TPR : Bagaimana awak dapat tahu kereta itu adalah 'Unser?'

SP15 : Melalui papan iklan di tepi jalan. E

Pembantu rumah (SP22) kepada SP13 memberi keterangan:

TPR : Selepas itu apa berlaku?

SP22 : Anak-anak berhenti bermain untuk rehat dan pada masa itu, ada sebuah kereta datang berhenti berhampiran saya menunggu. F

TPR : Ingat lagi kereta jenis apa?

SP22 : Saya tidak tahu jenis tetapi warna silver. G

TPR : Saiz kereta macam mana?

SP22 : Besar.

H

[231] Keterangan SP22 dan SP15 dengan jelas menunjukkan sebuah kereta jenis Toyota Unser dengan warna yang sama dengan kereta Toyota Unser digunakan oleh tertuduh pertama untuk menculik SP14.

I

[232] SP14 memberi keterangan:

> Semasa kami berehat, ada datang sebuah kereta, rehat di luar rumah kawan di hadapan rumah saya. Kereta itu agak besar berwarna silver dan gold.

Hanya Dua Orang Terlibat Dalam Penculikan

[233] Keterangan SP15 dan SP14 menunjukkan hanya seorang lelaki dan seorang perempuan terlibat menculik SP14 sepertimana dilihat dalam keterangan kedua-dua saksi. Keterangan SP15:

TPR : Ada awak nampak sesiapa lagi dalam kereta itu selain daripada lelaki itu?

SP15 : Seorang wanita ada di belakang tempat duduk pemandu.

Nombor Telefon Bimbit

[234] SP14 ditanya oleh tertuduh pertama tentang nombor telefon ibunya dan SP14 memberitahu nombor 012-4942889 kepadanya. Penculik menggunakan nombor ini untuk menghubungi SP13 melalui SMS dan panggilan telefon oleh mangsa dan mahkamah membuat inferens berdasarkan keterangan pada keseluruhannya yang dikemukakan oleh pendakwaan bahawa penculik tersebut yang sebenarnya ialah tertuduh pertama.

Wang Tebusan

[235] Wang tebusan berjumah RM10,000 yang dijumpai oleh SP24 di dalam rumah No. 22A, Lorong Seri Arowana 9, Taman Seri Arowana, Seberang Jaya, diakui oleh tertuduh pertama bahawa dia yang menyewa rumah tersebut daripada pemilik rumah bernama Lim Bee Nah.

[236] Nombor siri wang yang dirampas dari atas siling bilik air di rumah yang disewa oleh tertuduh pertama di Taman Seri Arowana padan dengan nombor siri wang tebusan telah dicatatkan sebelum diserahkan kepada penculik yang sebenarnya iaitu tertuduh pertama. (eks. P112).

Pembelian Tayar Baru dan Tiket Penerbangan

[237] Sebaik sahaja tertuduh pertama telah menerima jumlah wang tebusan RM200,000 pada 21 Disember 2009 daripada SP13, pada keesokan harinya iaitu 22 Disember 2009 tertuduh

pertama terus menukar dua tayar baru dan membeli dua tiket penerbangan untuk pergi dan balik ke Macau - Pulau Pinang, di Pulau Pinang, dan pembayaran bagi kedua-dua transaksi itu dibuat dengan wang tunai.

[238] Mahkamah berpendapat dua transaksi ini dibuat oleh tertuduh pertama bukan merupakan suatu 'coincidence' tetapi hanya selepas wang tebusan didapatkan, barulah dia ada duit untuk membeli dua tayar baru dan tiket penerbangan.

Loghat Bahasa Mandarin

[239] SP14 memberi keterangan bahawa penculik perempuan bercakap Mandarin dengan 'accent' seorang warga asing dari negara China dan penculik lelaki bercakap Mandarin dengan loghat tempatan dan tertuduh pertama adalah seorang Malaysian, dan tertuduh kedua berasal dari China. SP13 mengesahkan bahawa penculik lelaki bercakap Mandarin dengan 'accent' tempatan semasa percakapan telefon dibuat di antaranya dan lelaki tersebut.

Motosikal No. PEV 2634

[240] Motosikal No. PEV 2634 yang dirampas dari rumah SD4 oleh ASP Hazmizan bin Husin (SP27) dan SD4 memberi keterangan bahawa tertuduh pertama datang ke rumahnya untuk meminjam motosikalnya yang digunakan dalam kes penculikan ini menunjukkan yang pertama tertuduh tidak tinggal di rumah SD4 sebagaimana yang didakwa olehnya dan kedua dia yang merupakan penculik sebenarnya. Sungguhpun pendakwaan tidak kemukakan keterangan bagaimana motosikal tersebut digunakan bersangkut dengan kes penculikan ini, namun begitu, mahkamah membuat inferens bahawa tertuduh pertama menggunakan ia untuk mengambil wang tebusan.

Wang Komisyen RM6,000

[241] Mahkamah sependapat dengan hujah pihak pendakwaan mengenai RM6,000 yang dikatakan diberikan oleh Liu Li sebab tertuduh pertama memperolehi kerja di karoake lounge bagi Liu Li dan Dong Zhou Meng adalah tidak munasabah.

[242] Di akhir kes pembelaan, setelah meneliti keterangan pada keseluruhannya yang dikemukakan oleh pendakwaan dan keterangan pembelaan kedua-dua tertuduh, mahkamah mendapati bahawa tertuduh pertama Lai Khan Nei dan tertuduh kedua Gao

A Bingju tidak menimbulkan keraguan yang munasabah dalam kes pihak pendakwaan. Lihat kes *PP v. Saimin & Ors* [1971] 1 LNS 115; [1971] 2 MLJ 16, *Mat v. PP* [1963] 1 LNS 82; [1963] MLJ 263 dan *Mohamad Radhi Yaakob v. PP* [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311; [1991] 3 MLJ 169. Yang pertama, alibi mereka
B berdua tidak boleh diterima oleh mahkamah kerana tidak mematuhi peruntukan s. 402A Kanun Tatacara Jenayah, maka langsung tiada keterangan pembelaan. Yang kedua, diketepikan soal alibi, terdapat keterangan circumstantial yang kukuh terhadap kedua-dua tertuduh untuk mengaitkan mereka berdua dengan kesalahan ini dan
C akhirnya (diketepikan alibi) keterangan pembelaan kedua-dua tertuduh adalah tidak munasabah; oleh itu mahkamah mendapati kedua-dua tertuduh bersalah atas kesalahan dan mensabitkan mereka berdua masing-masing dan menjatuhkan hukuman penjara seumur hidup ke atas setiap tertuduh dan tertuduh pertama juga
D dikenakan rotan sebanyak 15 kali.

E

F

G

H

I